

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"WARGA yang sihat akan dapat memainkan peranan lebih cergas, lebih produktif dan efektif untuk masyarakat dan negara".
- Titah Sempena Majlis Ilmu 2012.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada pula bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan ayat 67).

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.46

SUBUH
4.56

SYURUK
6.14

DUHA
6.36

ZUHUR
12.21

ASAR
3.27

MAGHRIB
6.26

ISYAK
7.36

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 106

2 SEPTEMBER 2020 / 14 محرم 1442

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah,
hanya Engkau jua tempat kami
berlindung, maka
lindungilah kami,
dari bahaya COVID-19,
dari serangan dan
jangkitannya. Jika
wabak ini bersebab
dari dosa-dosa manusia,
maka Engkau
ampunkanlah.
Sesungguhnya, hanya
Engkau jua Yang Maha
Berhak untuk
memberikan
pengampunan.
Aamiin Ya Rabbal
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Berkenaan Jangkitan Wabak
COVID-19 pada Isnin,
19 Syaaban 1441 Hijrah /
13 April 2020 Masihi di
Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM berkenan utus tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Setiausaha Agung Parti Komunis Viet Nam, Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Phu Trong dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Setiausaha Agung Parti Komunis Viet Nam, Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Phu Trong dan Perdana Menteri Republik

Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc dan juga kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam, sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam yang ke-75 Tahun.

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 1 SEPTEMBER 2020, 12.00 tengah hari


JUMLAH KES
JANGKITAN 144

JUMLAH
KEMATIAN 3

JUMLAH KES
YANG SEMBUH 139

TALIAN NASIHAT
KESIHATAN
COVID-19

148



Pengurniaan lencana pangkat kepada Pemerintah ABDB baharu



Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat Mejar Jeneral kepada Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan berkenan melantik beliau sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-11.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan lencana pangkat Mejar Jeneral kepada Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan berkenan melantik beliau sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-11. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Teknologi digital mendorong kemajuan ekonomi negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, kita telah mendengar sedikit sebanyak daripada Pengarah JPD mengenai Projek Rintis bagi Menggantikan Alat Amaran Laju (Speed Warning Device - SWD).

Projek Rintis ini, saya rasa adalah sangat bertepatan masanya (*timely*) dan bertepatan jua dengan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dalam menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi bagi meningkatkan keselamatan di sektor pengangkutan khususnya. Dalam hal ini, saya ingin menyampaikan empat perkara yang saya kira sangat relevan kepada inisiatif kita pada pagi ini, iaitu :

i) Mengenai Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (Digital Economy Masterplan 2025);

ii) Mengenai Pelan Strategik MTIC 2025;

iii) Mengenai kepentingan keselamatan jalan raya dan usaha-usaha dalam memantapkannya; dan

iv) Mengenai kesan dan impak Projek Rintis dari konteks keselamatan jalan raya dan perkembangan digital.

Pertama, izinkan saya mengongsikan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda Yang Ke-74 Tahun pada tahun ini, yang antara inti patinya adalah :

Baginda berpendapat, teknologi digital memang berpotensi tinggi untuk mendorong kemajuan ekonomi negara... Apatah lagi sejak akhir-akhir ini, kita memang memerlukan perkhidmatan digital yang merangkumi pembelajaran, perniagaan dan urusan tadbir yang mampu menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai Smart City...

Melalui titah berkenaan juga, baginda juga telah mengurniakan perkenan bagi Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (Digital Economy Masterplan 2025), Negara Brunei Darussalam di bawah penyelenggaraan MTIC, di mana Digital Economy Masterplan 2025 ini dipantau di bawah Majlis Ekonomi Digital, antara lainnya telah mengenal pasti *enablers* utama yang akan mendukung perancangan digital sektor awam dan perniagaan ke arah sebuah *smart nation*. Ini juga adalah merangkumi penyediaan rangka kerja dasar, pengawalseliaan serta penyelidikan dan perkembangan dalam teknologi digital.

Di bawah Digital Economy Masterplan 2025, insyaaAllah terdapat beberapa



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa berucap pada Majlis Pelancaran Projek Rintis bagi Menggantikan Alat Amaran Laju (Speed Warning Device - SWD) pada Khamis, 8 Muharam 1442 Hijrah bersamaan 27 Ogos 2020 Masihi, di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

projek utama yang akan difokuskan, antara lainnya adalah :

i) National Information Hub sebagai platform perkongsian maklumat dengan lebih mudah;

ii) Digital ID sebagai satu platform yang membolehkan orang ramai mengakses perkhidmatan kerajaan pada bila-bila masa; dan

iii) Digital Payment Hub yang akan meningkatkan peluang bagi perniagaan untuk menerima bayaran secara digital dan memudahkan orang ramai membuat pembayaran melalui *smart devices*.

Perkara kedua yang ingin saya sampaikan, bagi mencapai aspirasi negara ke arah Smart Nation, MTIC khususnya adalah dipandu oleh Pelan Strategik MTIC, iaitu MTIC 2025 yang baru dilancarkan pada awal tahun ini juga. Dokumen ini adalah bagi mendukung aspirasi tersebut serta mengambil kira peranan MTIC yang semakin meluas bagi sektor pengangkutan dan infokomunikasi. Dengan visi 'Connected Smart Nation' di bawah MTIC 2025 terdapat enam Objektif Strategik utama, di mana empat (4) daripadanya adalah relevan kepada inisiatif pagi ini, iaitu :

i) Objektif Strategik 1 - Transformasi Digital;

ii) Objektif Strategik 2 - Kedayatahan

dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi;

iii) Objektif Strategik 3 - Piawaian Keselamatan dalam Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan

iv) Objektif Strategik 4 - Rangka kerja Dasar dan Perundangan yang kondusif kepada Pelaburan dan Perniagaan.

Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini, MTIC sangat menyedari bahawa usaha ini memanglah tidak dapat dilaksanakan secara *silo* ataupun secara bersendirian. Oleh itu, Projek Rintis yang kita lancarkan pada pagi ini adalah satu-satunya inisiatif kolaborasi berbagai pihak berkepentingan, iaitu secara Whole of Nation seperti kementerian-kementerian / agensi kerajaan yang berkenaan, institusi-institusi pendidikan tinggi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan khususnya pihak syarikat-syarikat swasta.

Perkara ketiga adalah mengenai dengan isu keselamatan jalan raya. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menekankan lagi betapa pentingnya menjaga keselamatan jalan raya dan seterusnya untuk memberikan sedikit gambaran melalui beberapa data statistik yang berkenaan dengan perkara ini. Saya juga ingin melengkapkan lagi beberapa nasihat saranan yang pernah saya sampaikan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada 13 Ogos 2020 yang lepas.

Sama-sama kita renung statistik seperti berikut :

i) Masih ada lagi kes-kes kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu dari 15 kes pada tahun 2019 kepada 24 kes bagi tahun 2020 (dan dapatan ini adalah sehingga bulan Julai 2020 sahaja);

ii) Masih ada lagi kes-kes kesalahan pemandu dan penumpang hadapan kenderaan yang tidak memakai tali pinggang keledar, iaitu dari 11 kes pada tahun 2019 kepada 14 kes bagi tahun 2020 (iaitu setakat Julai 2020 sahaja); dan

iii) Menyebut tentang kes kemalangan yang menyebabkan *fatality* dan melibatkan mangsa yang didapati tidak memakai tali pinggang keledar dari bulan Januari ke Jun 2020 adalah 6 daripada kesemua 6 mangsa *fatal* yang terlibat.

Di sinilah saya ingin tekankan sekali lagi pentingnya kita semua untuk sama-sama mengamalkan tanggungjawab sosial dalam menjaga keselamatan diri kita sendiri, keluarga kita yang disayangi dan juga keselamatan orang awam atau pengguna semasa berada di jalan raya, apatah lagi menjaga harta benda kerajaan di jalan raya.

Dalam hal yang berhubung kait dengan

Ke muka 9

Dari Sidang
Pengarang.

2 SEPTEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 14

BERUSAHA, BERTAWAKAL, BERDOA

JUMLAH penghidap penyakit kanser dinyatakan meningkat sebanyak 17 peratus dalam tempoh lima tahun, iaitu 2014 hingga 2018, berbanding 2009 hingga 2013. Menurut statistik Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam pada tahun yang sama, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser di sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau satu dalam tiga.

Antara jenis penyakit kanser tertinggi dalam kalangan lelaki adalah kolorektal (53 kes); paru-paru (25 kes); dan hati dan prostat (kedua-duanya 18 kes), manakala dalam kalangan perempuan pula, kanser payudara (100 kes), kanser kolorektal (49 kes) dan kanser korpus uteri atau rahim (32 kes).

Sekurang-kurangnya satu pertiga penyakit kanser boleh dicegah, iaitu dengan mengatasi atau mengawal enam faktor risiko utama penyebab kanser. Faktor-faktor risiko itu adalah peri laku dan pemakanan yang tidak seimbang; indeks jisim badan atau Body Mass Index (BMI) yang tinggi; pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang rendah atau tidak mencukupi; gaya hidup yang tidak aktif; penggunaan tembakau; dan pengambilan alkohol.

Berat mata memandang berat lagi bahu yang memikulnya. Peribahasa ini jika diamati amat bermakna kepada mereka yang sedang berhadapan dengan dugaan, seperti penyakit kanser, di mana hanya mereka sahaja yang tahu akan kesakitan, kesedihan, kerumitan dan keperitan yang mereka hadapi ketika berdepan dengan dugaan yang datang tanpa diduga tersebut.

Bagi kita yang hanya mendengar dan melihatnya hanya dapat berkontaksi rasa simpati, memberikan kata-kata nasihat, semangat dan sebagainya, selain cuba membantu seberapa yang mampu untuk sama-sama mengurangkan dan meringankan dugaan yang dihadapi oleh mereka itu.

Dalam hal ini, pastinya seseorang itu memerlukan sokongan yang berterusan, terutama sekali daripada ahli keluarga yang terdekat dalam sama-sama memberikan mereka semangat dan dorongan untuk terus menempuhi dugaan yang menimpa mereka tanpa mengenal erti putus asa.

Mereka semestinya memerlukan sokongan, dorongan dan doa daripada mereka yang terdekat. Jangan memberikan atau menggambarkan perkara negatif yang boleh mengganggu fikiran mereka. Segala penyakit pasti ada ubatnya. Semua ini juga terpulang kepada kekuatan mental dan fizikal pesakit berkenaan.

Tidak semua dapat menempuh dan menerimanya secara terbuka dan positif, apatah lagi bila mengetahui diri sudah disahkan menghidap kanser, namun dalam Islam sendiri tidak menyuruh kita untuk berputus asa, maka dalam hal ini, kita serahkan segala usaha kita lakukan dalam mencari ubat penyembuhannya kepada Allah.

Apa yang penting usaha kita mesti disertakan dengan doa dan tawakal, di samping sokongan padu yang berterusan daripada kaum keluarga terdekat. Berfikir positif dalam semua hal dan cuba elakkan untuk menjadikan sesuatu hal itu sebagai satu yang negatif.

Selain mengambil ubat-ubatan yang disarankan, tidak salah juga jika kita iktikarkan proses penyembuhan dengan doa-doa atau ayat-ayat suci Al-Quran yang berkaitan sebagai amalan harian, di samping sebagai terapi buat diri kita.

Cuba sibukkan diri dengan perkara yang boleh membuatkan kita terlupa akan penyakit yang kita hidap. Cari sesuatu yang kita suka dan minat, cuba sibukkan diri dan isi masa terluang kita dengan melakukan sesuatu yang kita suka dan minat tersebut. Elakkan untuk berdiam diri sendirian dan bermurung sepanjang masa.

Ingat akan orang yang tersayang, jadikan mereka sebagai penguat semangat kita. Jadikan mereka sebagai salah satu alasan mengapa kita perlu kuat, seterusnya mengharungi dugaan berkenaan. Jadikan mereka sumber kekuatan dan semangat buat kita.

Setiap penyakit pasti ada ubatnya, cuba hadapinya dengan hati yang terbuka, raih semangat dan sokongan daripada keluarga terdekat juga, jangan abaikan diri kita apalagi hingga berputus asa, kuatkan semangat harungi dugaan yang Allah berikan kepada kita, berusaha, bertawakal dan berdoa kepada Allah jua, jangan hingga kita alpa dan terlupa, insyaaAllah setiap yang rumit atau susah pasti ada jalan penyelesaiannya. - Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 25 °C	30 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 25 °C	32 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG		
31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
31 24 °C	32 24 °C	31 24 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajiucaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	14	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 27	6 . 26	7 . 36
3	KHAMIS	15	4 . 46	4 . 56	6 . 14	6 . 36	12 . 21	3 . 26	6 . 26	7 . 35
4	JUMAAT	16	4 . 46	4 . 56	6 . 13	6 . 36	12 . 20	3 . 24	6 . 25	7 . 35
5	SABTU	17	4 . 46	4 . 56	6 . 13	6 . 36	12 . 20	3 . 23	6 . 25	7 . 34
6	AHAD	18	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 20	3 . 22	6 . 24	7 . 34
7	ISNIN	19	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 21	6 . 24	7 . 33
8	SELASA	20	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 20	6 . 23	7 . 33

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC

2380214

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Pengurniaan lencana pangkat kepada Pemerintah ABDB baharu



Dari muka 1

Juga berkenan berangkat ke majlis tersebut ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah, sebelum ini memegang beberapa jawatan penting, termasuk Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) Ke-14, bermula 15 Ogos 2018 hingga 28 Ogos 2020; Pemerintah Angkatan Bersama; dan Ketua Staf Markas Angkatan Bersama (MAB) ABDB.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; dan mantan Pemerintah ABDB, Mejar

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin

Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Pada majlis tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB

(JAMA'AT), Tentera Laut Diraja Brunei, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap mantan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan berangkat pada pengurniaan lencana pangkat Mejar Jeneral kepada Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan pelantikan beliau sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-11 (atas), sementara gambar kiri, baginda berkenan bergambar bersama Pemerintah ABDB baharu dan mantan Pemerintah ABDB.

Pemerintah dan Pemerintah Angkatan Tentera; dan ABDB yang baru dilantik.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Pemerintah - pemerintah

Angkatan Tentera; dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan juga ahli keluarga Pemerintah ABDB yang baharu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap mantan Pemerintah ABDB dan Pemerintah ABDB yang baru dilantik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera yang hadir (kiri), sementara gambar kanan, baginda dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama Pemerintah ABDB baharu dan keluarga.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Siaran Akhbar :
Kementerian Tenaga
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri Powell yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP) yang baru dilantik, Puan Agnete Johnsgaard-Lewis. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Pengarah-Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri Powell yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP) yang baru dilantik, Puan Agnete Johnsgaard-Lewis.

Company Sdn. Bhd. tersebut antara lainnya membincangkan mengenai perkara-perkara bagi mengukuhkan kerjasama yang

telah lama terjalin dalam sektor minyak dan gas di antara Syarikat-Syarikat Usahasama Brunei Shell dan Syarikat Royal

Dutch Shell Plc.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat

Suny bin Haji Md. Hussein dan Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw.

3 penuntut dianugerahkan Biasiswa Sultan's Scholar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 dan keluarga mereka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Pada tahun ini, seramai tiga penuntut berjaya menerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan

Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021.

Berkenan berangkat menyempurnakan Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar

YSHHB bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 kepada tiga penerima tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Siaran Akhbar :
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 berlangsung di Istana Nurul Iman.

Juga berkenan berangkat ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Para penerima ialah Awangku Muhammad Asyraf Haziq Iman bin Pengiran Asmali; Dayang A'isyah binti Muhammad Yusop; dan Dayang Siti Aisyah binti Salim.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 kepada Awangku Muhammad Asyraff Haziq Iman bin Pengiran Asmali (kiri) dan Dayang A'isyah binti Muhamad Yusop (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 kepada Dayang Siti Aisyah binti Salim.



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para jemputan yang hadir dan penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar pada majlis tersebut (atas dan atas kanan).



Dari muka 4

Para penerima akan meneruskan pengajian dalam bidang masing-masing, di universiti-universiti terkemuka, di Mesir dan United Kingdom.

Awangku Muhammad Asyraff Haziq Iman adalah lepasan penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan melalui Biasiswa Sultan's Scholar, beliau akan meneruskan pengajian dalam jurusan Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (MEng Electronic and Electrical Engineering), di University College London, United Kingdom.

Sementara, Dayang A'isyah binti Muhamad Yusop adalah lepasan penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan melalui biasiswa tersebut, beliau akan meneruskan pengajian dalam jurusan Syariah Wa Qanun di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Manakala Dayang Siti Aisyah binti Salim adalah lepasan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan melalui biasiswa berkenaan, beliau akan meneruskan pengajian dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di

Ma'had Qiraat, Al-Azhar, Shoubra, Mesir.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seterusnya berkenan menyempurnakan Penyampaian Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021 kepada para penerima.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM kemudian berkenan beramah mesra bersama para penerima dan ibu bapa mereka juga para jemputan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB dan Pengetua-pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.



TURUT hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB dan Pengetua-pengetua dari institusi-institusi tingkatan enam di seluruh negara.

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud, Datin Dayang Hajah Rasidah binti Haji Ibrahim dan isteri Pemerintah ABDB baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah.



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud, Datin Dayang Hajah Rasidah binti Haji Ibrahim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha turut berkenan menerima mengadap isteri Pemerintah ABDB baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar bersama Datin Dayang Hajah Rasidah dan Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina.

DPMM berkenan menerima mengadap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat Usahasama Brunei Shell (Brunei Shell Joint Venture Companies) berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri Powell yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP) yang baru dilantik, Puan Agnete Johnsgaard-Lewis.

Siaran Akhbar : Kementerian Tenaga
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat Usahasama Brunei Shell (Brunei Shell Joint Venture Companies) berkenan menerima mengadap Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri Powell yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP) yang baru dilantik, Puan Agnete Johnsgaard-Lewis. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Pengarah-Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. telah membincangkan aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Syarikat - Syarikat Usahasama Brunei Shell (Brunei Shell Joint Venture Companies), perkembangan keupayaan pekerja tempatan dan peluang-peluang untuk memacu perkembangan sektor minyak dan gas negara secara berterusan dan berdaya tahan.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussein dan Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Ambil hikmah di sebalik pandemik COVID-19



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1442, diadakan di Dewan Tripartite, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis.

BERAKAS, Selasa, 1 September. - Dalam hasrat untuk membesarkan Hari-hari Kebesaran Islam sebagai iktibar dalam kehidupan seharian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1442 yang diadakan di Dewan Tripartite, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis, di sini.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis yang diselenggarakan oleh Jabatan Buruh tersebut dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

bin Haji Apong selaku tetamu kehormat.

Majlis yang penuh berkebakikan itu turut diserikan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Amaq Hairani.

Ceramah Khas yang bertajuk 'Penghijrahan dan Mengambil Pengajaran dari COVID-19' itu antara lain menjelaskan COVID-19 didatangkan Allah Subhanahu Wata'ala pasti dengan hikmahnya tersendiri yang perlu dipelajari serta diambil pengajaran darinya. Selaku hamba Allah, kita hendaklah reda dengan takdir, di samping perlu bersyukur dengan keadaan negara kita yang sudah terkawal, jika dibandingkan di tempat lain.

Dalam pada itu, umat Islam di negara ini harus mengharungi COVID-19 dengan memperbanyakkan kesabaran atas segala ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala itu dengan meningkatkan amalan-amalan yang dituntut berserta dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon; Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis; Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin; Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari; Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong; Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;

Pemangku Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Ketua-ketua Jabatan; serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

CERAMAH Khas bertajuk 'Penghijrahan dan Mengambil Pengajaran dari COVID-19' disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Dr. Haji Harapandi Amaq Hairani.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Corporate Social Responsibility:
Printmartz
Advertising

Apakah yang dimaksudkan dengan PERINTAH KURANTIN (QO)?

Satu perintah undang-undang yang dikeluarkan kepada individu untuk mengasingkan diri bagi menjalani kurantin; iaitu

☒ individu yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti penyakit berjangkit
 ATAU
☒ individu yang berkontak dengan yang disahkan positif

Perintah Kurantin (QO) biasanya dilakukan di

Rumah
 ATAU
 Kemudahan Kerajaan yang disediakan

Sila rujuk garispandu mengenai pengasingan diri bagi apa yang dibenarkan dan tidak dibenarkan

Mana-mana individu yang sedang dikurantin dan tidak mematuhi Perintah Kurantin ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204). Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga \$10,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

MUIB terima Zakat Perniagaan Koperasi ITM Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Isnin, 31 Ogos. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan Badan Ugama Islam yang tertinggi di negara ini, mempunyai bidang kuasa dalam pengurusan dan pengendalian kutipan wang zakat, iaitu berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Pindaan 1984, iaitu menerusi bab-bab 114 hingga 121 juga Peraturan Zakat dan Fitrah 1969.

menerima Zakat Perniagaan daripada Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Bhd. bagi Tahun Kewangan 2019, berjumlah BND5,512.60, diserahkan oleh Pengerusi Koperasi ITM Bhd., Awang Haji Hambali bin Awang Tengah.

Zakat tersebut diterima oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB.

Majlis penyerahan zakat tersebut

berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB; dan Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop; Ahli Lembaga Koperasi ITM Bhd.; dan pegawai-pegawai dari Jabatan Majlis Ugama Islam.

Di Negara Brunei Darussalam, sebanyak enam golongan Asnaf Zakat yang berhak menerima, iaitu Asnaf Fakir; Miskin; Mualaf; Amil; Al-Gharimin; dan Ibnu Sabil.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan) menerima Zakat Perniagaan daripada Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Bhd. bagi Tahun Kewangan 2019, berjumlah BND5,512.60, diserahkan oleh Pengerusi Koperasi ITM Bhd., Awang Haji Hambali bin Awang Tengah (tengah).

Penerima Sultan's Scholar tandatangani perjanjian



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (dua, kanan) dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bergambar ramai bersama Awangku Muhammad Asyraf Haziq Iman bin Pengiran Asmali berserta keluarga (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat (tiga, kanan) menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian Tahun 2020 / 2021 di antara pihak YSHHB dan Dayang A'isyah binti Muhamad Yusop.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Sesi Pengajian Tahun 2020 / 2021 bagi empat orang penerima diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Bangunan YSHHB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis penandatanganan tersebut merupakan bagi penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan kesinambungan daripada Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020 / 2021 yang berlangsung kelmarin, 31 Ogos 2020, yang diadakan di Istana Nurul Iman.

Penandatanganan tersebut adalah bagi tiga orang penuntut yang berjaya menerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

bagi Sesi Pengajian Tahun 2020 / 2021 dan seorang penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Sesi Pengajian Tahun 2016 / 2017 yang akan meniggikan tahap pengajian.

Salah seorang penerima, Awangku Muhammad Asyraf Haziq Iman bin Pengiran Asmali akan meneruskan pengajian dalam jurusan Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (MEng Electronic and Electrical Engineering) di University College London, United Kingdom, sementara Dayang Siti Aisyah binti Salim akan meneruskan pengajian dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Ma'had Qiraat, Al-Azhar, Shoubra, Mesir.

Manakala Dayang A'isyah binti Muhamad Yusop pula akan meneruskan pengajian dalam jurusan Syariah Wa Qanun di Universiti Al-Azhar, Mesir.

Sementara itu, turut menerima biasiswa kali ini ialah Dayang Kadrina Abdul Latif binti Abdullah, yang merupakan penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Sesi Pengajian Tahun 2016 / 2017 dalam jurusan BSc Biomedical Science di Imperial College London, United Kingdom dan

menamatkan pengajian pada tahun 2019.

Beliau akan meniggikan tahap pengajian ke peringkat Sarjana dalam Kursus Msc Clinical Embroylogy di Green Templeton College, University of Oxford, United Kingdom.

Majlis menandatangani perjanjian penerimaan biasiswa bagi keempat-empat penerima biasiswa ditemani bersama dua orang penjamin yang terdiri daripada ibu bapa mereka atau ahli keluarga terdekat.

Manakala bagi pihak YSHHB pula, penandatanganan dilakukan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB bersama dengan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Puasa bin Haji Jumat, yang disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan dan

Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB; Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Skim Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB; para ibu bapa dan ahli keluarga penerima-penerima anugerah biasiswa; serta para pegawai YSHHB.

Antara tujuan dan harapan dengan adanya biasiswa seumpama ini adalah supaya akan dapat melahirkan pemimpin yang cemerlang, menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara serta menjadi generasi penerus yang akan membarisi tampuk kepimpinan bagi kepentingan ugama, raja dan negara.

Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan biasiswa yang berprestij dan dianugerahkan kepada para penuntut yang telah dikenal pasti oleh YSHHB, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai penuntut yang cemerlang dalam bidang akademik dan kegiatan luar sekolah bagi melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Sarjana Muda sehingga ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang di institusi-institusi pengajian tinggi yang berprestij di luar negara, yang

dibenarkan oleh YSHHB dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar bermula pada tahun 2006, iaitu bagi Sesi Pengajian Tahun 2006 / 2007. Sehingga tahun 2020, seramai 50 pelajar telah menerima anugerah yang berprestij ini.

Bermula pada tahun 2013, YSHHB telah memperluaskan Skim Biasiswa Sultan's Scholar untuk skim meniggikan tahap pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah. Sehingga tahun 2020, seramai lima orang menerima biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dan lima orang lagi menerima biasiswa bagi meniggikan tahap pengajian ke peringkat Sarjana.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan khusus bagi para penerima Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang akan bertolak dari Negara Brunei Darussalam bagi meneruskan pengajian masing-masing.



YANG Berhormat (dua, kanan) bersama Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB bergambar ramai bersama Dayang Siti Aisyah binti Salim berserta keluarga (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat (tiga, kanan) menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB bagi Sesi Pengajian Tahun 2020 / 2021 di antara pihak YSHHB dan Dayang Kadrina Abdul Latif binti Abdullah.

Penubuhan Persatuan Bahasa Arab kukuhkan sahsiah bangsa Negara Zikir

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Nuurul Bakir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dihasrat akan mengukuhkan sahsiah bangsa Negara Zikir dengan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menguasai bahasa Al-Quran sebagai bahasa ibadah dan budaya umat Islam sejagat. Meskipun ada bahasa lain yang terlihat bersifat antarabangsa,

namun kenyataannya, sampai bila-bila pun tidak akan menyamai kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa umat Islam. Pemangku Timbalan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha selaku Ra'es Persatuan Bahasa Arab (PBA) menjelaskan demikian pada Majlis Perasmian

Persatuan Bahasa Arab yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok. "Semoga matlamat ini dapat dicapai bersama usaha beberapa institusi-institusi kerajaan dan swasta lain yang telah dulu berperanan dalam bidang ini," ujarnya. Beliau menambah, di samping bahasa ibadah, bahasa Arab sangat penting dalam budaya Melayu Brunei. Melihat kepada kaitan antara Islam dengan bahasa Arab

yang tidak dapat dipisahkan, maka sudah tentu bahasa Arab juga tidak dapat kita pisahkan dengan budaya Islam itu sendiri. Melihat kepada bahasa Melayu sendiri tambahnya, kita dapati sebahagian besar daripada kata-katanya yang berasal daripada bahasa Arab dan masih kita gunakan setiap hari dengan sebahagiannya, tidak kita sedari kerana telah menjadi bahagian dalam bahasa Melayu. Dr. Haji Abang Hadzmin berkata, satu lagi budaya kita yang berkait rapat dengan bahasa Arab ialah tulisan jawi yang tidak dapat dipisahkan dari asalnya, iaitu huruf Arab yang berjaya diwariskan kepada kita dan menjadi tanggungjawab kita pula mempertahankan dan memartabatkan serta mewariskan kepada generasi penerus. "Hanya huruf Arab dan jawi sahaja yang kita warisi dan pertahankan untuk berada pada panji-panji bendera negara kita yang kita kibar menjulang tinggi di bumi merdeka Melayu Islam Beraja ini. Semoga kegiatan persatuan yang berkaitan dengan bahasa Arab dapat menyumbang ke arah mengukuhkan penguasaan dan penggunaan tulisan jawi," jelasnya. Majlis Perasmian Persatuan Bahasa Arab disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang turut melancarkan laman media sosial



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyempurnakan pelancaran pada majlis tersebut.

Facebook dan Instagram Persatuan Bahasa Arab.

Atur cara majlis juga diserikan dengan Hiwar 'Pengalaman Belajar dan Mengukuhkan Budaya Bahasa Arab Dalam Kalangan Masyarakat Islam Brunei' dan penyampaian sijil kepada ahli-ahli persatuan berkenaan serta menyaksikan Mini Pameran Bahan-Bahan Bahasa Arab. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.



MAJLIS diserikan dengan Hiwar 'Pengalaman Belajar dan Mengukuhkan Budaya Bahasa Arab Dalam Kalangan Masyarakat Islam Brunei'.

2 kes aktif masih dirawat, 443 jalani pengasingan diri mandatori

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam,

memaklumkan bahawa tiada kes baharu COVID-19 dilaporkan hari ini setakat jam 12.00 tengah hari, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di

negara ini kekal sebanyak 144 kes, sementara dua kes masih aktif, dan jumlah yang sembuh adalah seramai 139 orang.

Kementerian Kesihatan juga turut memaklumkan bahawa seramai 443 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori. Manakala sejak bulan Mac 2020, seramai 5,014 orang dicatatkan menamatkan pengasingan diri mandatori.

Seterusnya, sebanyak 329 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal yang dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 52,185 ujian.

Orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	144		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	2	3	139

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
443	5,014

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
329 sampel	52,185

HALUAN

Teknologi digital mendorong kemajuan ekonomi negara

Dari muka 2

Dalam hal yang berhubung kait dengan keselamatan kenderaan di jalan raya, kita juga sering mendengar dan mendapati semakin banyak kejadian kenderaan terbakar yang berlaku. Ini adalah satu perkara yang amat membimbangkan! Saya telah difahamkan bagi tahun ini sahaja, sehingga Ogos 2020, sebanyak 54 insiden kenderaan terbakar telah dilaporkan.

Dalam hal ini, saya juga telah difahamkan bahawa menurut siasatan kajian awal oleh agensi-agensi yang berkenaan ke atas kenderaan-kenderaan yang terlibat dengan kebakaran pada tahun 2019 hingga Jun 2020, antara punca utama kebakaran kenderaan adalah disebabkan oleh masalah elektrik dan mekanikal.

Dalam usaha MTIC dan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) menangani isu ini, satu kajian telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci

mengenai insiden-insiden tersebut. Kajian ini adalah merangkumi 54 insiden kenderaan terbakar yang telah dilaporkan bagi tahun ini. Antara hasil dari kajian ini adalah harapan saya supaya beberapa penambahbaikan dasar-dasar dan peraturan bagi membendung penularan kejadian kenderaan terbakar akan diusahakan dengan sebaik-baiknya.

Akhir sekali, ini membawa saya untuk mengongsikan perkara keempat, iaitu mengenai kesan dan impak Projek Rintis dari konteks keselamatan jalan raya dan perkembangan digital. Alhamdulillah, projek rintis yang akan dilancarkan pada pagi ini antara lainnya adalah mempamerkan dan menunjukkan kepada orang ramai teknologi-teknologi baharu yang digunakan untuk sektor pengangkutan. Dalam konteks ini, teknologi masa kini bukan sahaja dapat meliputi pemantauan kelajuan kenderaan, bahkan juga dapat memantau

behaviour pemandu dalam usaha meningkatkan lagi sistem keselamatan jalan raya secara keseluruhan.

Adalah menjadi harapan saya supaya hasil daripada Projek Rintis ini bukan sahaja akan membuktikan kesesuaian transformasi digital melalui penggunaan teknologi GPS yang telah disebut oleh Pengarah JPD tadi, tetapi juga akan turut menyumbang kepada peningkatan keselamatan jalan raya, khusus bagi kenderaan berat, kenderaan-kenderaan perkhidmatan barangan dan kenderaan-kenderaan Perkhidmatan Awam.

Selaras dengan Projek Rintis ini, apa yang penting juga adalah usaha dalam pengemaskinian dasar dan penggubalan semula undang-undang berkaitan dengan Peraturan Lalulintas Jalanraya, khususnya peraturan yang berhubung kait dengan Alat Amaran Had Laju bagi kenderaan-kenderaan berat di jalan raya. Dengan penggubalan undang-undang dan juga penguatkuasaan melalui teknologi

GPS ini nanti, adalah kita hasratkan supaya sektor pengangkutan, khususnya pengangkutan darat akan lebih mantap, berdaya tahan dan selamat.

InsyaaAllah, dalam usaha melaksanakan pembaharuan dasar dan transformasi digital bagi memantapkan sektor pengangkutan darat, sama-samalah kita berdoa semoga dengan pencapaian ini, ia juga turut menjurus kepada pencapaian matlamat Kualiti Kehidupan yang tinggi yang diaspirasikan di dalam Wawasan Brunei 2035.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Jabatan Pengangkutan Darat berserta pihak-pihak dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam Projek Rintis Bagi Menggantikan SWD dan semoga kita akan beroleh kejayaan baginya jua, insyaaAllah.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.*

Persoalan membaca Doa Iftitah

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBACA doa *iftitah* merupakan salah satu tuntutan sunat dalam sembahyang. Tuntutan membaca doa *iftitah* termasuk dalam kategori sunat *hai'at*.

Doa *iftitah* disunatkan ke atas sesiapa sahaja yang mengerjakan sembahyang selain sembahyang jenazah, tidak kira sama ada sembahyang fardhu atau sunat, *munfarid* (orang yang mengerjakan sembahyang secara bersendirian), imam ataupun makmum, lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa, musafir atau bermuqim, orang yang sembahyang berdiri, duduk atau berbaring dan sebagainya.

Dasar bagi tuntutan ini adalah sebagai *ittiba'* iaitu mencontohi perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berdasarkan hadits-hadits shahih yang telah diriwayatkan daripada beberapa sahabat Baginda antaranya Abu Hurairah, Anas bin Malik, Sayyidina Ali, Ibnu Umar Radhiallahu 'anhum dan lainnya.

Lafaz dan kaifiat membaca doa iftitah serta permasalahannya

Doa *iftitah* mempunyai beberapa lafaz yang warid daripada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Antara lafaz bacaan doa *iftitah* yang masyhur ialah :

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، وَخَلَقْتَ وَجْهِي
لِيَدِي فَطَرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، خَلَقْتَ مُشِيقًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْكِينَ، إِنَّ
صَلَاحِي وَنُكْسِي وَغِيَايَ وَمَايَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ
وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Ertinya : "Allah Maha Besar dengan segala kebesaranNya. Segala puji bagi Allah dengan sebanyak-banyaknya. Maha suci Allah (pada waktu) pagi dan petang. Aku hadapkan wajahku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi (dengan) mengakui kebenaran dan menyerahkan diri (kepadaNya), dan aku tidaklah tergolong dari kalangan orang-orang yang musyrik. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah kerana Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu bagiNya, dan dengan demikian, aku diperintah dan aku tergolong dari orang-orang Islam".

Bagi seorang *munfarid*, sunat dia menambah selepas bacaan di atas dengan bacaan yang warid daripada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam di bawah ini :

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، سُبْحَانَكَ وَبِحَدِيدِكَ، أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذُنُوبِي، فَأَعْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا، إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، وَأَعِدِّي لِأَخْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِيَنِي لِأَخْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَأَصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ، كَلِمَتِكَ وَسَعْدَتِكَ، وَالْحَمْدُ كُلُّهَا فِي يَدَيْكَ، وَالشُّكْرُ لِمَنْ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ، تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Ertinya : "Ya Allah, Engkaulah Penguasa, tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau Ya Allah dan dengan memujiMu. Engkau Tuhanku dan aku hambaMu. Aku telah menganiaya diriku dan aku mengakui dosaku, maka ampunilah semua dosa-dosaku itu. Kerana tidak ada yang mengampuni dosa-dosa itu kecuali Engkau. Berilah hidayah kepadaku untuk memiliki akhlak yang mulia, (kerana) tidak ada yang memberi hidayah kepadaku untuk (memiliki) akhlak yang mulia kecuali Engkau. Hindarkan daripadaku akhlak yang buruk, (kerana) tidak ada yang dapat menghindarkan akhlak yang buruk itu daripadaku kecuali Engkau. Aku menyahut panggilanMu dan aku terima perintahMu. Semua kebaikan berada di tanganMu dan kejahatan (tidak kembali) kepadaMu, aku bersamaMu dan (kembali) kepadaMu. Engkau Maha Suci dan Engkau Maha Tinggi. Aku memohon keampunanMu dan aku bertaubat kepadaMu".

Selain *munfarid*, bacaan tambahan ini juga boleh dibaca oleh imam sekiranya perbuatannya itu diketahui dan dipersetujui oleh makmumnya dan mereka tidak mempunyai apa-apa halangan atau kesukaran sekiranya imam memanjangkan sedikit sembahyang dengan membaca bacaan tambahan itu. Sekiranya perbuatannya itu tidak diketahui atau tidak dipersetujui para makmum, maka sunat imam tersebut membataskan bacaan doa *iftitah*nya sehingga lafaz (وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ) sahaja dan meninggalkan bacaan tambahan di atas.

Doa *iftitah* sunat dibaca secara *sirr* iaitu dengan suara perlahan dalam kadar yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri. Ia sunat dibaca secara *sirr* sekalipun dalam sembahyang *jahriyyah* (sembahyang yang dinyaringkan bacaan padanya) seperti sembahyang Subuh dan Maghrib. Begitu juga dalam sembahyang *sirriyyah* (sembahyang yang diperlahankan bacaan padanya) seperti sembahyang Zuhur dan Asar.

Doa *iftitah* ini dibaca sejurus selepas mengangkat *takbiratulihram*, iaitu sebelum memulakan bacaan *at-ta'awwudz* (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) dan surah al-Fatihah. Dalam hal ini, sunat dia segera membaca doa *iftitah* selepas mengangkat

takbiratulihram dengan memisahkan antara keduanya dengan *saktah* (diam sebentar) sebagai *ittiba'*. Bagaimanapun, sekiranya dia diam untuk beberapa ketika selepas *takbiratulihram* dan tidak bersegera membaca doa *iftitah*, maka doa *iftitah* itu belum dikira luput walaupun sudah jauh jarak antara *takbiratulihram* dan doa *iftitah* itu selagimana dia belum membaca *at-ta'awwudz* atau surah al-Fatihah.

Oleh yang demikian, sekiranya orang yang sembahyang itu sudah mula membaca surah al-Fatihah walaupun baru pada *basmalah*, ataupun sudah membaca *at-ta'awwudz* bagi yang melaksanakan tuntutan sunat membaca *at-ta'awwudz*, maka luputlah tuntutan sunat membaca doa *iftitah* itu. Dalam keadaan ini, dia tidak boleh lagi kembali membaca doa *iftitah* sekalipun kerana terlupa.

Doa *iftitah* juga menjadi luput sekiranya orang itu membaca zikir-zikir lain yang tidak disyariatkan sebelum membaca doa *iftitah* walaupun zikir itu hanya sedikit sepertimana yang disebutkan dalam kitab al-Bujairimi 'ala al-Khatib dan Hawasyi asy-Syarwani.

Walau bagaimanapun, menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah, jika dibaca juga doa *iftitah* itu setelah tuntutannya luput maka tidaklah membatalkan sembahyang dan tidak dituntut untuk mengerjakan sujud sahwi kerana kesilapan tersebut. Ini kerana doa *iftitah* itu hanya zikir semata-mata.

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa doa *iftitah* itu tempatnya ialah selepas mengangkat *takbiratulihram*. Ini bererti, doa *iftitah* hanya dibaca pada rakaat pertama sembahyang yang dikerjakan. Oleh yang demikian, sekiranya doa *iftitah* ditinggalkan pada rakaat pertama, sama ada secara senghaja atau tidak senghaja, maka doa *iftitah* tersebut dengan sendirinya telah luput dan tidak lagi dibaca pada rakaat-rakaat yang seterusnya.

Hukum membaca doa iftitah ketika waktu sembahyang hampir berakhir

Doa *iftitah* tidak lagi dituntut untuk dibaca sekiranya orang yang mengerjakan sembahyang itu sudah berada di akhir waktu di mana waktu sembahyang hanya berbaki kadar yang mencukupi untuk mengerjakan satu rakaat sahaja. Jika dibaca juga doa *iftitah* itu dia tidak akan sempat mengerjakan rakaat berkenaan dalam waktunya. Dalam hal ini, dia hendaklah terus membaca surah al-Fatihah sejurus selepas mengangkat *takbiratulihram* dan tidak mengerjakan apa-apa tuntutan sunat termasuk membaca doa *iftitah* dan *at-ta'awwudz*.

إِرسَادُ حُكْمٍ

IRSYAD HUKUM

جَبَابَتُ مَفِي كَلَامِ الْجَنَانِ
جَبَابَتُ مَفِي كَلَامِ الْجَنَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Begitu juga dia tidak disunatkan membaca doa *iftitah* sekiranya dengan membaca doa *iftitah* itu boleh menyebabkan sebahagian perbuatan sembahyang dikerjakan di luar waktu. Perkara ini boleh berlaku dalam keadaan di mana ketika memulakan sembahyang, waktu sembahyang sudah sempit, dan dengan membaca doa *iftitah* menjadikan sebahagian sembahyangnya dikerjakan di luar waktu. Oleh yang demikian, sekiranya bacaan doa *iftitah* boleh menyebabkan sebahagian sembahyang dikerjakan di luar waktu, maka tidak disunatkan lagi untuk membaca doa *iftitah*.

Doa *iftitah* juga tidak lagi dituntut sekiranya seseorang boleh terlepas mengerjakan sembahyang jika dia membacanya. Sebagai contoh, perempuan yang kuat sangkaannya bahawa waktu datang haidh sudah hampir tiba atau seseorang yang biasa didatangi penyakit gila dan seumpamanya pada waktu-waktu tertentu. Ini kerana jika dia membaca doa *iftitah*, dikuatiri perempuan itu datang haidh atau penyakit gila tersebut akan mendatangnya sebelum sempat menyempurnakan sembahyang.

Sekiranya orang yang bersembahyang itu hanya dapat mengerjakan salah satu antara doa *iftitah* atau *at-ta'awwudz* kerana kesempitan waktu sembahyang misalnya, maka menurut Imam asy-Syibramallisi Rahimahullah, hendaklah dia mengutamakan bacaan *at-ta'awwudz* kerana ia merupakan permohonan terhadap peliharaan Allah Subhanahu wa Ta'ala daripada syaitan. Ia juga perlu diutamakan daripada doa *iftitah* kerana *at-ta'awwudz* itu dituntut pada setiap rakaat sembahyang sebelum membaca surah al-Fatihah.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

SABAR adalah salah satu sifat terpuji yang seharusnya dimiliki oleh setiap umat Islam. Sabar membawa maksud menahan diri daripada marah terhadap sesuatu yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadukan sesuatu hal penderitaan kepada yang lain daripada Allah termasuklah juga bersifat tidak terburu-buru, bahkan bersifat tenang, tidak putus asa dan tidak lekas marah.

Banyak sekali ayat-ayat di dalam al-Quran yang menyebut tentang kesabaran antaranya dalam Surah al-Baqarah ayat 153, tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (kepada Allah Subhanahu Wata'ala) dengan sabar dan mendirikan sembahyang kerana Allah berserta orang-orang yang sabar".

Ayat di atas menegaskan kepada manusia bahawa hidup harus selalu diiringi dengan kesabaran dalam segala keadaan. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita

supaya bersifat sabar. Sebagai orang beriman kita dituntut untuk meminta bantuan daripada Allah dengan bersabar dalam menjalankan ketaatan dan melakukan ibadah-ibadah serta amalan yang mendekatkan diri kepada Allah, bersabar dalam menghadapi berbagai musibah, bencana dan kesusahan, serta bersabar menahan diri daripada melakukan kemaksiatan dan meninggalkan perkara-perkara yang haram.

Sesungguhnya kesabaran merupakan senjata paling penting dalam menghadapi pelbagai ujian, bencana dan kesusahan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah A-li 'Imraan ayat 200 yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan), kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertaqwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)".

Ketahuilah sifat sabar itu adalah anugerah

Kelebihan sifat sabar

terindah yang menjanjikan perlbagai keistimewaan dan ganjaran yang sangat besar. Orang-orang mu'min yang sentiasa mengamalkan sifat sabar dalam kehidupan mereka sehari-hari akan memperoleh rahmat dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi ketika menghadapi ujian, dugaan dan musibah yang berbentuk kesusahan, kesakitan dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Baqarah ayat 155 yang tafsirnya :

"Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu) Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".

Selain itu orang-orang yang sabar juga akan mendapat berbagai ganjaran yang lain daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan tidak terhitung banyaknya sepertimana firman-Nya dalam Surah az-Zumar ayat 10 yang tafsirnya :

"...Sesungguhnya hanya orang yang bersabar sahaja akan disempurnakan

pahala mereka tanpa batasan".

Seseorang yang selalu meningkatkan rasa sabar selama hidup di dunia ini, akan mendapat balasan yakni memperoleh martabat yang tinggi dan diberikan penghormatan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 75 yang tafsirnya :

"Mereka itulah yang akan dikurniakan ganjaran dengan darjat yang tinggi (di syurga) disebabkan kesabaran mereka dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan 'salam' (selamat sejahtera) di dalamnya".

Oleh itu sebagai hamba Allah yang beriman, hendaklah kita berusaha melatih diri untuk sentiasa bersifat sabar kerana orang yang sabar adalah orang yang dikasihi serta dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Anfaal ayat 46 yang tafsirnya :

"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan yang menyebabkan kamu merasa gentar dan kekuatan kamu hilang dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar".

Pelantikan Ahli MUIB, 2020 - 2023

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Isnin, 31 Ogos. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik nama-nama berikut untuk menjadi Ahli MUIB, menurut bab 13, dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 bagi tempoh tiga tahun, mulai 1 Ogos 2020 hingga 31 Julai 2023.

Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sementara, Naib Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Manakala Ahli-ahli MUIB terdiri daripada Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya

Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong;

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong;

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar;

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud;

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar;

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin;

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned;

Yang Berhormat Peguam Negara, Pejabat Peguam Negara (kerana jawatan); Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat / Yang

Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar;

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar;

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin;

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali;

Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Tasim bin Haji Akim;

Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin;

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal;

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Awang Adanan bin Haji Basar;

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang;

Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof;

Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki; dan

Ketua Istibat, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah.



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Pastikan abiskita berada dalam jarak 1-2 meter dari orang lain

Elakkan dari mengunjungi tempat yang sesak atau majlis keramaian

Elakkan bersalaman dengan orang lain

Jangan berkongsi peralatan makan seperti pinggan, mangkuk, gelas, sudu, garpu dan lain-lain

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi
Talian Nasihat Kesihatan 148



MINDA PEMBACA

Hormati, hargai jasa warga emas

WARGA emas merupakan satu istilah khusus bagi merujuk kepada golongan orang tua yang berusia dalam lingkungan 60 tahun ke atas. Istilah ini memang sesuai kerana golongan ini umpama sebutir emas yang sangat berharga yang perlu dijaga dan dilindungi.

Warga emas di Negara Brunei Darussalam terdiri daripada orang tua atau ibu bapa yang telah pencen atau menamatkan perkhidmatan. Pada usia ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperuntukkan keperluan elaun khusus bagi warga emas, iaitu elaun Pencen Umur Tua sebanyak BND250.00 setiap bulan. Ini adalah sebagai satu bentuk penghormatan kepada warga emas bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka, memandangkan mereka sudah tidak lagi bekerja.

Sifat saling hormati-menghormati, lebih-lebih lagi terhadap warga emas adalah asas dalam pembangunan hubungan kekeluargaan. Nilai kekeluargaan perlu dipupuk dalam kehidupan berkeluarga. Wujudkan komunikasi yang berkesan dan persefahaman yang erat antara anak dan ibu bapa agar talian kekeluargaan itu bertambah kuat. Jika amalan ini dipraktikkan sedari awal, maka budaya saling hormat-menghormati akan kekal terpelihara.

Sebagai anak atau generasi muda yang masih jauh dalam mengemudi perjalanan hidup ini, panduan, nasihat dan tunjuk ajar warga emas ini amat diperlukan memandangkan warga emas ini terlebih dahulu 'makan garam' daripada kita. Warga emas telah banyak menempuh fasa kehidupan yang pelbagai, tidak kira pahit ataupun manis. Banyak perkara yang dapat dijadikan iktibar dan pengajaran hidup. Oleh itu, kita sebagai anak perlu bijak meluahkan masa bersama ibu bapa dan menjadi pendengar setia kepada perihal nasihat kehidupan. Segala pengalaman dan pengajaran hidup yang dikongsikan amat penting untuk dijadikan teladan.

Seorang anak yang baik akan mempamerkan kasih sayang mereka melalui tindakan dan tutur bicara mereka. Membelanjakan wang ringgit tanpa berkira bagi memenuhi keperluan ibu bapa adalah satu tanggungjawab murni seorang anak kepada ibu bapa. Ini kerana tugas bagi memastikan kebajikan dan keperluan ibu bapa mereka sentiasa terpelihara dan terpenuhi itu adalah salah satu cara bagi menghargai jasa pengorbanan ibu bapa mereka. Selain itu, seorang anak yang taat pada perintah Allah akan sentiasa menitipkan doa perlindungan dan kesejahteraan buat ibu bapa mereka.

Warga emas yang terdiri daripada ibu bapa atau orang tua wajib dipedulikan dan dijaga dengan penuh kasih sayang. Tidak akan ada generasi penerus yang berwibawa jika generasi pertama dicuainya. Oleh itu, hormatilah dan hargailah setiap insan yang bergelar warga emas kerana mereka ibarat pelita yang menerangi jalan hidup dan masa depan kita.

**Nama : Raihani binti Haji Japar
No. K/P : 01-033667 (K)**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tempahan Makanan Secara Dalam Talian'. Tarikh Tutup : 2 September 2020
- 'Teladani Semangat Hijrah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 9 September 2020
- 'Aktiviti Mendaki Bukit Pacu Gaya Hidup Sihat'. Tarikh Tutup : 16 September 2020

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MKKJR anjur Pertandingan Menulis Storyboard Aplikasi Game Keselamatan Jalan Raya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Infografik : Ihsan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) kini membukakan satu pertandingan menulis 'Storyboard' bagi aplikasi *game* keselamatan jalan raya mulai 1 September 2020 dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 September 2020, jam 2.00 petang.

Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk budaya keselamatan jalan raya dari usia muda lagi, iaitu bermula dari usia enam tahun melalui aplikasi permainan dalam talian (*online games*).

Permainan ini akan mendedahkan dan sekali gus mendidik serta membangun budaya bagi kanak-kanak

mengenai aspek - aspek keselamatan di jalan raya.

Dengan pendedahan aspek-aspek keselamatan jalan raya ini kepada kanak-kanak tersebut, adalah diharapkan agar mereka sendiri dapat menerapkan nilai-nilai keselamatan jalan raya, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga kepada ibu bapa serta keluarga mereka.

Juara bagi pertandingan ini akan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak BND400 berserta sijil penyertaan, manakala empat peserta teratas yang lain akan

menerima sebanyak BND100 dan juga sijil penyertaan.

Pertandingan adalah dibukakan kepada orang awam, termasuk murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Bagi maklumat lanjut mengenai pertandingan tersebut, sila layari laman sesawang di <http://www.mkkjr.gov.bn/storyboard> dan untuk pertanyaan lanjut, e-mel ke mkkjr@mtic.gov.bn.



COVID-19 : 2 kes aktif

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Situasi Terkini Jangkitan

COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), setakat jam 12.00 tengah hari, tiada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan dan menjadikan jumlah

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	144		
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	2	3	139

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
455	4,988

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
115 sampel	51,856 ujian

keseluruhan kes COVID-19 di NBD kekal 144 orang.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, dua kes masih dicatatkan sebagai kes aktif, manakala jumlah yang sembuh adalah seramai 139 orang.

Seramai 455 orang pula sedang menjalani pengasingan diri mandatori dan seramai 4,988 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori masing-masing sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut mencatatkan sebanyak 115 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu. Ia membawa jumlah ujian makmal secara keseluruhan yang dijalankan sejak Januari 2020 sebanyak 51,856 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.



ALAI PINTAR 033

SOALAN 2 SEPTEMBER 2020, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Hari Asyura merupakan hari ke _____.
a) 10 Muharam
b) 11 Muharam
c) 12 Muharam
- Mata adalah deria bagi apa?
a) Pendengaran
b) Rasa
c) Penglihatan
- Dua hari adalah bersamaan dengan ____ jam.
a) 48 jam
b) 24 jam
c) 60 jam

TARIKH TUTUP : 14 SEPTEMBER 2020

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 032 :

Nama : Md Faris Haziq bin Haji Md Husaini
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0092824-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba Satu

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
• Sidang Pengarang, ALAI PINTAR
Bahagian PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam
• Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Belait;
• Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Tutong; dan
• Kaunter Cawangan Penerangan
Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 032

- b) didenda
- b) Ayam
- c) satu jam 30 minit

Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah, Pemerintah ABDB baharu



UPACARA Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di antara Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (kiri) dan Pemerintah ABDB yang baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dilantik sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baharu bermula hari ini.

Sehubungan itu, Upacara Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB, berlangsung di Dewan Serbaguna Baru, Bolkiah Garrison di antara Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Pemerintah ABDB yang baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat.

Terlebih dahulu dalam ucapannya sebagai Pemerintah ABDB Ke-10, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada seluruh warga ABDB yang masih berkhidmat mahupun bersara atas segala sokongan dan kerjasama di sepanjang perkhidmatan beliau.

Beliau juga menasihati semua untuk sentiasa bekerjasama dan mengamalkan SEPADU, iaitu aspek-aspek Sekuriti, Efficiency atau Kecekapan, Piawaian, Agama, Disiplin juga Keupayaan Aset dan Anggota demi menjaga maruah juga kemajuan ABDB dan ke arah merealisasikan misi juga visi, di samping mendukung Wawasan Negara 2035.

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan turut menekankan kepentingan peranan setiap anggota ABDB dalam memastikan kejujuran, keikhlasan dan disiplin yang tinggi bagi memelihara kepercayaan negara terhadap ABDB sebagai penjaga kedaulatan negara.

Bagi menandakan penerimaan jawatan Pemerintah ABDB yang baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah kemudian menyampaikan ucapan perdana beliau sebagai Pemerintah ABDB yang Ke-11.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa pertahanan negara dan institusi pertahanan merupakan *public good*, di mana menjaga keamanan bukanlah percuma, manakala harga keamanan adalah *priceless*.

Beliau juga menyatakan bahawa untuk meraih keamanan, setentunya memerlukan komitmen sumber yang besar daripada kerajaan dan sebagai sebuah institusi pertahanan, kita hendaklah sentiasa membuat *self-reflection* akan tujuan kewujudan ABDB dan peranan kita sebagai warga ABDB.

Ia bukan hanya sekadar pekerjaan, tapi satu pengorbanan yang murni demi menjaga dan mempertahankan raja, agama dan negara yang kita cintai.

Majlis diteruskan dengan Upacara Menandatangani Sijil Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB, diikuti dengan Doa Selamat, dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim bagi memberkati upacara tersebut.

Sebelum upacara penyerahan jawatan tersebut, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan berkesempatan mengadakan beberapa siri lawatan persaraan ke unit-unit ABDB, termasuk TLDB, Tentera Udara Diraja Brunei, Institut Latihan ABDB, Regimen Pasukan Khas ABDB, Akademi Pertahanan ABDB dan Kementerian Pertahanan.

Siri lawatan persaraan berkenaan bermula sejak 11 Ogos 2020 dan berakhir dengan lawatan ke Tentera Darat Diraja Brunei pada 31 Ogos 2020.

Peka, responsif, relevan, adaptif terhadap perubahan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Pertahanan negara dan institusi pertahanan merupakan *public good*, di mana seperti lazimnya di mana-mana negara, untuk menjaga keamanan bukanlah percuma, manakala harga keamanan adalah *priceless*.

Untuk meraih keamanan, setentunya memerlukan komitmen sumber yang besar daripada kerajaan dan sebagai sebuah institusi pertahanan, kita hendaklah sentiasa membuat *self-reflection* akan tujuan kewujudan ABDB dan peranan kita sebagai warga ABDB.

Bagi menandakan penerimaan jawatan Pemerintah ABDB yang baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat berucap demikian

dalam ucapan perdana beliau sebagai Pemerintah ABDB yang Ke-11.

Menurutnya, ia bukan hanya sekadar pekerjaan, tapi satu pengorbanan yang murni demi menjaga dan mempertahankan raja, agama dan negara yang kita cintai.

Dalam konteks Islam pula, jelasnya, kewujudan ABDB adalah amalan fardu yang dituntut dan kita sebagai warga ABDB memainkan peranan penting dalam menyahut keperluan syariat tersebut.

Sebagai sebuah negara yang mensyiarkan agama Islam, beliau ingin menyeru seluruh anggota untuk memahami akan peranan Angkatan Bersenjata di dalam konteks lima prinsip Maqasid

Syariah, iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta.

"Ia bukan sahaja sebagai sebutan, tetapi ia haruslah diinstitusikan dan ini termasuk melakar *leadership model* yang bersandarkan kepada Maqasid Syariah dan digabungkan dengan *leadership traits* yang sudah sebatikan dengan ABDB.

"Sebagai benteng pertahanan dalam menjaga keamanan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam, saya ingin menekankan dua perkara utama yang memberikan impak kepada keupayaan ABDB, iaitu pertama, kesiapsiagaan aset gerakan atau *operational asset readiness* dan kedua, tumpuan kepada anggota," jelasnya.

Dari segi aset, tegasnya, kita hendaklah sama-sama menggembelng tenaga dan berusaha untuk meningkatkan

kesiapsiagaan aset gerakan ABDB melalui tiga strategi di atas, iaitu pertama *Introducing New Capabilities*; kedua *Enhancing Current Capabilities*; dan ketiga *Consolidating Current Capabilities* adalah pendekatan pengurusan keupayaan yang sangat relevan dan harus dipraktikkan dalam ABDB.

Melihat di luar ABDB pula, terangnya, kita sedang berdepan dengan berbagai cabaran.

Katanya, di dalam persekitaran operasi masa kini dan di dalam era globalisasi, senario ancaman telah berubah dan menjadi *non-traditional* di dalam domain yang kontemporari.

Selain itu, ucapnya, perubahan yang cepat dan seiring dengan ledakan teknologi, terutama sekali dalam era revolusi ke empat atau 4th Industrial Revolution membawa kita untuk mencari pendekatan yang baharu.

Apa yang pasti, jelasnya, ialah perubahan tidak dapat dielakkan atau *change is inevitable*.

"Sebagai sebuah institusi pertahanan, kita hendaklah peka dan responsif terhadap perubahan.

"Kita hendaklah sentiasa relevan dan adaptif terhadap perubahan ini dan bersedia untuk membawa ABDB menjadi sebuah Angkatan Tentera yang mahir dalam teknologi atau *a technology savvy armed forces*.

"Sebagai sebuah institusi keselamatan, kita haruslah peka akan hala tuju negara, terutama sekali peranan ABDB dalam menuju Wawasan Brunei 2035. Penglibatan ABDB dalam menuju



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baharu, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat semasa berucap pada majlis tersebut.

Wawasan 2035 hendaklah seiring dengan kementerian dan agensi kerajaan lain, terutama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang.

"Usaha kita haruslah bersepadu, seperti mana yang selalu dilaungkan, iaitu dengan *whole of government approach* dan seterusnya dengan cara *whole of nation approach*," jelas beliau.

Di arena antarabangsa pula, beliau menekankan, ABDB akan terus komited dengan penugasan di luar negara.

Dalam hubungan dua hala, tambahnya lagi, kita juga akan terus komited meneruskan aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam hubungan tersebut.

Akhir sekali, beliau ingin menekankan supaya kesemua aktiviti ini dapat memberikan manfaat, terutama sekali dalam meningkatkan profesionalisme anggota ABDB.



MEJAR Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah semasa menandatangani Sijil Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB.

ABDB penjaga kedaulatan negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan menjangkau usia 60 tahun pada tahun hadapan dan telah mengharungi usia 59 tahun ini dengan penuh kemampuan juga jayanya.

Setentunya, ABDB telah mengalami pelbagai perubahan juga perkembangan, selaras dengan visi dan misi organisasi dalam memastikan ABDB sentiasa mengadaptasi kepada perubahan persekitaran juga kekal relevan dalam suasana operasi yang semakin kompleks.

Demikianlah, yang ditegaskan oleh mantan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dalam ucapan perpisahan, di Majlis Serah Terima

Tugas Jawatan Pemerintah ABDB, yang berlangsung di Dewan Serbaguna Baru, Bolkiah Garison, hari ini.

InsyaaAllah, katanya, dengan penerbitan Kertas Putih Pertahanan yang baharu pada tahun depan, ABDB akan mendapat panduan strategik yang lebih jelas dan hala tuju perkembangan keupayaan, teknologi juga struktur ABDB di era globalisasi ini, sejajar dengan perubahan sekuriti dan ancaman kontemporari masa kini.

Selaras dengan perkembangan ini, katanya, pengukuhan kerjasama dua hala dan berbagai hala harus sentiasa dijaga juga dipertingkatkan.

"Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan, bantuan dan

kerjasama daripada negara-negara sahabat dalam perkembangan ABDB, dan berharap agar hubungan pertahanan bersama negara-negara sahabat akan terus dikekalkan bagi sama-sama menjaga keamanan dan mempertahankan keselamatan serantau dan global," ujarnya.

Sementara itu, dalam nasihat perpisahannya, beliau mengingatkan kepada semua untuk sentiasa bekerjasama dan mengamalkan SEPADU, iaitu aspek-aspek Sekuriti, Efficiency atau Kecekapan, Piawai, Agama, Disiplin serta Keupayaan Aset dan Anggota demi menjaga maruah dan kemajuan ABDB dan ke arah merealisasikan misi juga visi, di samping mendukung Wawasan Negara 2035.

"Setiap anggota ABDB memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejujuran, keikhlasan dan disiplin yang tinggi bagi memelihara kepercayaan negara terhadap kita sebagai

penjaga kedaulatan negara," tambahnya lagi.

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan merupakan Pemerintah ABDB Ke-10 dan mengenakan perkhidmatan 35 tahun pada 8 Disember 2020 nanti, iaitu setelah memegang tampuk pemerintahan ABDB selama dua tahun tujuh bulan.

Beliau, turut menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, atas bimbingan dan petunjuk di sepanjang tempoh pemerintahannya.

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, atas kepercayaan



MANTAN Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dalam ucapan perpisahan, di Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pemerintah ABDB, di Dewan Serbaguna Baru, Bolkiah Garison.

juga bimbingan dan petunjuk yang telah diberikan dalam menerajui ABDB.

Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi diteruskan lagi



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Tenaga selaku agensi peneraju bagi Strategi 1 dan selaku Pengerusi bagi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam pada sesi bergambar ramai pada Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi bagi Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto :
Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi bagi Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam disambung lagi pada minggu ini dengan menumpukan kepada Strategi 1, iaitu, Pelepasan Industri dan Strategi 9, iaitu Inventori Karbon.

Bengkel tersebut mengambil tempat di Dewan Atria Simpur, Jabatan Kerja Raya pada 31 Ogos hingga 1 September 2020.

Hadir bagi merasmikan bengkel tersebut ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, selaku agensi peneraju bagi Strategi 1 dan juga selaku Pengerusi bagi Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Seramai lebih kurang 30 peserta menghadiri bengkel ini yang terdiri dari Jabatan-jabatan Kerajaan, sektor persendirian dan juga pemain-pemain industri minyak

dan gas di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel ini bertujuan untuk membentuk sebuah peta jalan yang komprehensif dan seterusnya menghasilkan pelan tindakan yang terperinci dalam merealisasikan hasrat negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau negara.

Strategi 1, iaitu Pelepasan Industri dibentuk bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau termasuklah daripada aktiviti *venting* dan *flaring* dari sektor industri di negara ini melalui inisiatif *zero routine flaring* ataupun kepada tahap serendah yang mungkin (*as low as reasonably practicable*) menjelang 2035.

Manakala, Strategi 9, iaitu Inventori Karbon pula bertujuan untuk membentuk satu peraturan bagi kesemua fasiliti atau ejen yang mengeluarkan atau menyerap gas rumah hijau untuk melaporkan data gas rumah hijau masing-masing.

Pembentukan dokumen operasi ini adalah langkah utama seterusnya dalam bergerak ke arah negara yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Bengkel selama dua hari tersebut dianjurkan bersama oleh Kementerian Tenaga, selaku agensi peneraju bagi Strategi 1 dan Urusetia Perubahan Iklim selaku agensi peneraju bagi Strategi 9 dan disokong oleh pemudah cara dari Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam yang telah dilantik bersama agensi-agensi peneraju.

Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam berpanduan kepada lima prinsip utama Maqasid Shari'ah dalam mendukung usaha negara untuk membangunkan sebuah Negara Zikir yang berjaya.

Di samping itu, strategi-strategi utama di dalam dasar ini juga dibentuk seiring dengan Wawasan Brunei 2035 dan dalam masa yang sama mempromosikan keselamatan, kedayatahan dan kemakmuran ekonomi melalui pendekatan rendah karbon bagi melindungi alam sekitar.

Mengenal erti hijrah yang sebenar

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas bersempena Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah UTB.

TUNGKU LINK, Isnin, 31 Ogos. - Dalam sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah, Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengungkapkannya Ceramah Khas bersempena sambutan tersebut yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, UTB.

Ceramah Khas tersebut menyentuh mengenai tajuk 'Generasi Berilmu, Beramal, Berakhlak Memacu Pembangunan Umat' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Penceramah undangan berkongsi mengenai erti hijrah yang sebenar, iaitu hijrah yang menuju ke arah kehidupan yang lebih baik dengan meningkatkan kualiti iman serta pengetahuan seseorang.

Turut hadir ialah tetamu kehormat, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai, pensyarah, kakitangan

dan juga pelajar-pelajar UTB.

Acara ini dianjurkan setiap tahun oleh Unit Agama, Pejabat Hal Ehwal Pelajar untuk mendapatkan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk memperingati hijrah (penghijrahan) Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah.



PENCERAMAH undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Penerima biasiswa zahirkan junjung kasih



AWANGKU Muhammad Asyraf Haziq Iman bin Pengiran Asmali.



DAYANG Siti Aisyah binti Salim.



DAYANG A'isyah binti Muhamad Yusop.



Dayang Kadrina Abdul Latif binti Abdullah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengenalkan pelbagai program bagi pembangunan kapasiti manusia untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya bagi mencapai taraf kehidupan yang berkualiti tinggi.

Dengan kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Yayasan baginda juga turut mengendalikan beberapa program pembangunan kapasiti manusia bagi melahirkan generasi yang berilmu dan pengetahuan, yang seterusnya akan berperanan terhadap kemajuan dan pembangunan negara seperti Skim Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sehubungan itu, empat penerima Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Sesi Pengajian 2020 / 2021

menzahirkan rasa kesyukuran mereka ke hadapan Majlis Kebawah DYMM di atas pengurniaan yang tidak ternilai ini.

Salah seorang penerima, Awangku Muhammad Asyraf Haziq Iman bin Pengiran Asmali akan meneruskan pengajian dalam jurusan Kejuruteraan Elektrikal dan Eletronik (MEng Electronic and Electrical Engineering) di University College London, United Kingdom.

Beliau sebelum ini mengikuti pengajian di peringkat menengah dan Pra-Universiti di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan pada tahun 2014 hingga 2019, di mana beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan GCE 'O' Level dan 'A' Level.

"Terpilih menerima biasiswa ini adalah suatu kebanggaan dan pencapaian yang paling bermakna bagi diri saya dan saya juga merafakkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi peluang untuk saya

meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya akan memberi sumbangan tenaga kembali untuk negara ini nanti," ujarnya dengan rasa gembira.

Beliau turut memberi sedikit saranan kepada para pelajar agar terus fokus kepada pelajaran mereka dan berusaha bersungguh-sungguh jika ingin mendapatkan biasiswa ini.

Di samping mempunyai keperibadian yang baik, berdisiplin serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberikan, beliau juga mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi dan pengurusan masa yang baik.

Ciri-ciri ini terbukti dalam dedikasi beliau menjadi tutor Matematik bagi para pelajar Tahun 6 sebagai persediaan mereka dalam menduduki Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2018.

Sementara Dayang Siti Aisyah binti Salim, yang akan meneruskan pengajian dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Ma'had Qiraat, Al-Azhar, Shoubra, Mesir, beliau sebelum ini menerima pendidikan di peringkat rendah di Sekolah Persediaan Arab dan meneruskan pengajian ke peringkat GCE / GCSE 'O' Level, SPUB (Menengah), STPUB di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan mencapai keputusan cemerlang di sepanjang pengajiannya.

"Pertama sekali saya ingin merafakkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya dan menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas perkenan baginda menganugerahkan biasiswa ini untuk saya meneruskan pengajian dalam jurusan Takhassus Al-Quran Wal Qiraat. Saya akan cuba berusaha bersungguh-sungguh untuk meraih keputusan cemerlang semasa pengajian nanti dan tidak mensia-siakan peluang yang diberikan ini. InsyaaAllah, apabila menamatkan pengajian nanti, saya bercita-cita untuk menjadi seorang

pensyarah dan menyumbang khidmat bakti kepada negara satu hari nanti," jelasnya.

Rasa kesyukuran yang sama turut dizahirkan oleh Dayang A'isyah binti Muhamad Yusop atas pengurniaan Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini, di mana beliau berharap setelah selesai menjalani pengajiannya dari Mesir nanti, beliau ingin kembali ke negara ini untuk berkhidmat dan bercita-cita untuk menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa yang menegakkan hukum kanun dan undang-undang syaria di negara ini.

Beliau yang akan meneruskan pengajian dalam jurusan Syariah Wa Qanun di Universiti Al-Azhar, Mesir merupakan seorang pembahas yang baik, mempunyai perwatakan yang cerdik, peramah serta berkemahiran dalam pemahaman.

Selain itu, beliau juga boleh berbahasa dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Beliau memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan GCE 'A' Level semasa membuat pengajiannya di peringkat Pra-Universiti di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah pada tahun 2018 hingga 2019.

Sementara itu, turut menerima

biasiswa kali ini ialah Dayang Kadrina Abdul Latif binti Abdullah, yang merupakan penerima Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Sesi Pengajian 2016 / 2017 dalam jurusan BSc Biomedical Science di Imperial College London, United Kingdom dan menamatkan pengajian pada tahun 2019.

Beliau akan meninggikan tahap pengajian ke peringkat Sarjana dalam kursus Msc Clinical Embryology di Green Templeton College, University of Oxford, United Kingdom.

"Alhamdulillah, saya sangat bersyukur atas peluang yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini untuk meninggikan lagi tahap pengajian saya dan saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang baik dan dapat membanggakan negara dan ibu bapa saya," terangnya.

Menurutnya, setelah menamatkan pengajian nanti, beliau ingin berkhidmat dalam bidang yang sama dan mengguna pakai apa juga yang telah dipelajarinya dalam bidang klinikal, contohnya berkhidmat di hospital ataupun dari segi akademik, iaitu penyelidikan.

26 premis perniagaan dikenakan denda kompaun ingkar patuhi arahan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 24 sehingga 30 Ogos 2020 di premis-premis perniagaan di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, operasi ini dijalankan di kawasan Masjid Mentiri, Tanjung Bunut, Kiulap, One City, One Riverside, Anggrek Desa, Mabohai dan di kawasan Jalan Tutong dan Bandar Seri Begawan.

Sementara di Daerah Belait, operasi ini dijalankan di Mukim Seria. Manakala di Daerah Tutong, ia dijalankan di Jalan Enche Awang, dan di Daerah Temburong pula, di Kampung Sungai Tanit, Kampung Amo dan Kampung Rataie.

Operasi 'Merati' ini melibatkan para Pegawai Penguatkuasaan Kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan,

Kementerian Kesihatan. Sebanyak 54 premis perniagaan telah diperiksa, di mana terdiri daripada sebuah masjid, 30 premis makanan dan 23 gerai.

Hasil daripada operasi yang dijalankan mendapati bahawa sebanyak 26 premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND4,500. Sementara itu, seorang individu yang didapati tidak memakai sungkup muka ketika berada di kawasan masjid juga dikenakan denda kompaun sebanyak BND100.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah seperti pekerja premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka, iaitu bagi pengendali dan penyedia makanan serta jemaah di masjid berkenaan; tiada pemeriksaan suhu badan; dan tiada penjarakan sosial dan fizikal.

Di samping itu, Unit Penguatkuasaan Kesihatan juga menyarankan kepada para pelanggan premis untuk menggunakan aplikasi BruHealth (jika didapati tidak menggunakannya) semasa mengunjungi premis dan memberi teguran kepada para pelanggan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial seperti penjarakan fizikal semasa berada di dalam premis-premis tersebut.

Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya, terutama sekali bagi memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka.

Mereka juga perlu melaksanakan tanggungjawab

sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing.

Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan kepada orang ramai, terutama sekali kepada jemaah yang berada di kawasan premis masjid, surau dan balai-balai ibadat untuk memakai sungkup muka dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Pengurus premis juga disarankan untuk mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis tersebut dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan.

Pengurus premis juga diingatkan untuk menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan para pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka dan elakkan daripada menggunakan

kaedah mencatat butir peribadi di dalam buku sebagai kaedah alternatif.

Selain itu, mereka juga perlu mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan, terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau mengunjungi laman media sosial Facebook dan Instagram untuk mendapatkan maklumat terkini.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis - premis perniagaan yang tidak mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel ke health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Kereta *hatchback* musnah terbakar

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Balai Bomba Lambak Kanan menerima panggilan kecemasan berikutan kebakaran sebuah kereta yang berlaku di kawasan berdekatan IBTE Nakhoda Ragam pada jam 7.32 pagi.

Seramai tujuh anggota bomba dari balai bomba berkenaan dikerahkan ke lokasi berkenaan di mana gerakan kecemasan tersebut diketuai oleh ABK 150 Abd. Rahman bin Haji Edin.

Sejurus sahaja sampai di lokasi berkenaan, pihak JBP mendapati api besar membakar keseluruhan sebuah kereta jenis *hatchback* yang bermula dari bahagian enjin kereta.

Anggota bomba bertindak dengan memadamkan api kebakaran tersebut dengan menggunakan satu *hose reel* dan air yang diperoleh daripada jentera bomba. Api dapat dikawal dalam masa tiga minit.

Pemandu kereta merupakan seorang warganegara Filipina telah pun keluar sebelum jentera bomba sampai ke lokasi berkenaan. Punca dan kerugian masih dalam penyiasatan serta tidak ada kecederaan dan korban jiwa dilaporkan.

Sehubungan itu, pihak JBP menyarankan kepada orang ramai untuk membuat penyelenggaraan yang berjadual 'Scheduled Maintenance' bagi kenderaan awda. Dalam masa yang sama,

orang ramai juga memastikan pemasangan pendawaian bagi peralatan elektrik di kenderaan dilaksanakan oleh pekerja bengkel yang bertauliah supaya pendawaian yang dibuat itu adalah dengan cara yang betul, yang tidak mendatangkan bahaya kebakaran.


Seterusnya, orang ramai juga diingatkan dan dinasihatkan untuk mempunyai alat pemadam api di dalam kereta serta bagi kenderaan yang melebihi usia tujuh tahun ke atas dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel yang mahir dan bertauliah.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang ramai boleh hubungi talian kecemasan 995 dan memberi maklumat yang tepat.

KEBAKARAN yang bermula dari bahagian enjin kereta menyebabkan keseluruhan kereta jenis *hatchback* terbakar.



JSKLL tahan kereta mencurigakan



PENAHANAN sebuah kenderaan bersama pemandunya, yang merupakan seorang perempuan, warga tempatan, berumur 26 tahun atas kesalahan memandu kenderaan yang dipasang lampu biru di bahagian hadapan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Isnin, 31 Ogos. - Antara lain objektif rondaan dijalankan adalah bagi memastikan para pengguna jalan raya untuk sentiasa patuh, mengikut peraturan-peraturan yang diperuntukkan, di samping menjalankan tugas memantau, mencegah, malah menahan sebarang perilaku yang melanggar undang-undang di negara ini.

Satu penahanan telah dibuat, hasil daripada rondaan rutin yang dijalankan oleh keanggotaan Jabatan Siasatan dan Kawalan

Lalu Lintas (JSKLL), sekitar jam 1.00 pagi, di kawasan Jalan Tutong, Kilanas.

Adapun penahanan tersebut melibatkan sebuah kenderaan bersama pemandunya, merupakan seorang perempuan, warga tempatan, berumur 26 tahun, atas kesalahan memandu kenderaan yang dipasang lampu biru di bahagian hadapan.

Siasatan lanjut mendapati pemandu tersebut tidak mempunyai lesen memandu yang sah, cukai jalan mansuh berserta beberapa kesalahan lain.

Sejurus pemeriksaan lanjut dijalankan ke atas kenderaan berkenaan juga menemukan perkakas yang dipercayai digunakan untuk penyalahgunaan dadah.

Pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) segera dihubungi bagi menjalankan siasatan dan mengambil alih penyiasatan kes.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui JSKLL akan sentiasa berusaha dan tidak akan kendur-kendur dalam menandai juga melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan demi memastikan penduduk negara ini celik juga peka terhadap keselamatan di jalan raya.

Pendaftaran Peperiksaan SPB November 2020 dibukakan

Siaran Akhbar : Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan membukakan pendaftaran Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi bulan November 2020.

Pendaftaran peperiksaan adalah dibukakan kepada calon-calon yang berdaftar di Bahagian Pendidikan Lanjutan (BPL) dan calon-calon persendirian. Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka mulai 1 September 2020 hingga 1 Oktober 2020.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis di sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Keterangan lanjut bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 9/2020. Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat pada 1 Oktober 2020.



کمنترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

COVID-19 & MAKANAN

Pada masa ini tidak ada bukti bahawa COVID-19 boleh disebarkan melalui pembungkusan makanan atau makanan.

Virus Corona tidak boleh membiak dalam makanan. Virus ini memerlukan hos haiwan atau manusia untuk membiak.



Virus corona berkemungkinan boleh berada di permukaan selama beberapa jam atau sehingga beberapa hari. Ini tertakluk kepada keadaan yang tertentu seperti jenis permukaan, suhu atau kelembapan persekitaran.

Langkah pembersihan & sanitasi yang baik boleh mengurangkan risiko dalam perkhidmatan makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
Bahagian Kawalan Kualiti & Keselamatan Makanan
di 2237414/417 semasa waktu berkerja

Talian Nasihat Kesihatan 148
www.moh.gov.bn

Kepentingan pemeriksaan awal mencegah penyakit kanser



Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur: 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.	Pemeriksaan kanser kolorektal Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50-74 tahun; dan 2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
Pemeriksaan kanser payudara Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40-69 tahun; dan 2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan 3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.	Pemeriksaan kanser serviks Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 21-64 tahun; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kementerian Kesihatan menekankan kepentingan menjaga kesihatan diri agar dapat menghindari daripada berlakunya penyakit-penyakit tidak berjangkit. Selain mengamalkan cara hidup yang sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan juga perlu diutamakan.

Pada tahun 2019, kira-kira 644 orang warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam telah dikesan menghidap penyakit kanser.

Jumlah penghidap penyakit kanser juga menunjukkan peningkatan sebanyak 20 peratus dalam tempoh lima tahun dari tahun 2015 hingga 2019 (3,192 kes) berbanding dengan tahun 2010 hingga 2014 (sebanyak 2,642 kes).

Menurut statistik yang diperoleh dari Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam, risiko bagi seorang lelaki untuk menghidap kanser di sepanjang hayatnya ialah 27 peratus atau satu dalam empat, manakala risiko bagi perempuan pula ialah 29 peratus atau satu dalam tiga.

Jenis-jenis kanser yang tertinggi pada tahun 2019 dalam kalangan lelaki di negara ini adalah Kanser Kolorektal, iaitu sejumlah 71 kes, Kanser Prostat sejumlah 27 kes, Kanser Trakea, Bronkus, dan paru-paru sejumlah 21 kes, Kanser Hati sejumlah 16 kes dan Kanser Buah Pinggang sejumlah 14 kes. Manakala bagi wanita kanser tertinggi adalah Kanser Payudara sejumlah 103 kes, Kanser Kolorektal sejumlah 53 kes,

Kanser Corpusuteri (rahim) sejumlah 45 kes, Kanser Trakea, Bronkus dan paru-paru sejumlah 26 kes dan Kanser Serviks sejumlah 22 kes.

Antara faktor risiko kanser yang dapat dicegah adalah seperti tabiat merokok, mengamalkan pemakanan yang tidak sihat (seperti kurang pengambilan pemakanan serat tinggi), kekurangan aktiviti fizikal dan mempunyai berat badan berlebihan (obesiti) dan pengambilan minuman alkohol yang berlebihan.

Kanser boleh dicegah dengan mengamalkan cara hidup yang sihat dengan berhenti merokok dan mengelakkan daripada pendedahan kepada asap rokok pasif; mengekalkan berat badan yang sihat daripada kanak-kanak dan sepanjang hayat; memastikan pengambilan dua hingga tiga sajian buah-buahan dan dua hingga tiga sajian sayur-sayuran setiap hari; mengurangkan pengambilan makanan yang mempunyai lemak yang tinggi atau berlebihan; melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit, lima kali atau lebih dalam seminggu dan penyusuan susu ibu (untuk mengurangkan risiko Kanser Payudara).

Salah satu kaedah bagi mencegah terjadinya komplikasi akibat penyakit kronik seperti Kanser Kolorektal, Kanser Payudara dan Kanser Serviks adalah dengan melakukan pemeriksaan saringan ataupun *screening* untuk penyakit tersebut, di mana pengesanan kanser pada tahap awal (pra-kanser) akan dapat

meningkatkan lagi peluang kanser itu dirawat termasuk mengelakkan keperluan rawatan-rawatan seperti pembedahan besar dan seumpamanya.

Mengikut kajian yang pernah dibuat di negara ini, kadar *survival* lima tahun bagi pesakit Kanser Payudara (jumlah peratus pesakit Kanser Payudara yang masih hidup dalam tempoh lima tahun selepas didiagnosis) adalah lebih tinggi jika kanser didiagnosis di tahap awal, iaitu 92.2 peratus bagi Kanser Payudara yang didiagnosis tahap awal (*early stage localized*), 76.9 peratus bagi Kanser Payudara tahap *intermediate* dan 21.4 peratus bagi Kanser Payudara tahap Mestastasis (kanser telah merebak ke luar payudara dan melibatkan organ lain dalam tubuh).

Daripada kajian baru-baru ini yang diterbitkan di Lancet, di mana 160,000 wanita di UK ditinjau selama 10 tahun, didapati bahawa pemeriksaan Mamogram bermula pada usia 40 tahun mengurangkan kematian akibat kanser payudara secara signifikan berbanding dengan pemeriksaan yang bermula pada akhir usia.

Sehubungan itu, dalam meningkatkan lagi usaha untuk menangani beban kanser di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan memperkenalkan Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal dan Kanser Payudara sebagai program susulan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan sejak 26 November 2019. Manakala Program Pemeriksaan bagi Kanser Serviks telah diperkenalkan di negara ini sejak tahun 2010.

Antara tujuan utama Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan adalah untuk pencegahan atau pengesanan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser dan faktor risiko penyakit kardiovaskular; pencegahan atau pengesanan

awal komplikasi disebabkan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan pengurangan kadar kematian pramatang iaitu kematian di antara umur 30 hingga 70 tahun yang disebabkan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berusia 50 ke 75 tahun; tidak mempunyai sejarah Kanser Kolorektal; tidak pernah menjalani Kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan ujian darah dalam najis dalam masa dua tahun kebelakangan.

Sementara itu, Program Pemeriksaan Kanser Payudara dibukakan kepada wanita warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berumur 40 ke 69 tahun; Tidak pernah menghidap kanser payudara dan tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan Tidak pernah menjalani pemeriksaan Mamogram dalam masa tiga tahun kebelakangan.

Manakala Program Pemeriksaan Kanser Serviks dibukakan kepada wanita warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berumur 21 ke 65 tahun; Pernah melakukan hubungan seksual; Tidak pernah menghidap kanser serviks dan tidak pernah menjalani ujian PAP (PAP test) dalam tempoh tiga tahun kebelakangan.

Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal boleh dijalankan di pusat dan klinik penjagaan kesihatan asasi di seluruh negara dan dikendalikan oleh jururawat-jururawat pemeriksaan yang terlatih. Manakala bagi Program Pemeriksaan Kanser Payudara ia dikendalikan di Klinik Kesihatan Wanita di pusat-pusat

kesihatan dan pemeriksaan Mamogram akan dijalankan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Bagi Daerah Temburong, Program Pemeriksaan Kesihatan akan dilakukan di Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Pekan Bangar, Temburong.

Selain daripada pusat-pusat kesihatan kerajaan, pemeriksaan kanser boleh didapati di Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser (EDCP) di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Sementara itu, pusat kesihatan, klinik kesihatan dan hospital yang menjalani Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan adalah Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkihah (PAPHMWHB) Gadong, Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkabung, Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adat Bolkihah (PAPHRSB) Sungai Asam, Pusat Kesihatan Pengkal Batu, Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut, Pusat Kesihatan Pekan Tutong, Pusat Kesihatan Lamunin, Pusat Kesihatan Sungai Kelugos, Pusat Kesihatan Telisai, Pusat Kesihatan Kuala Belait, Pusat Kesihatan Seria, Pusat Kesihatan Sungai Liang, Klinik Kesihatan Labi, Hospital PIHM, Temburong, Klinik Kesihatan Sungai Besar (Klinik Kesihatan Wanita sahaja), dan Perkhidmatan EDCP di PJSC.

Bagi program pemeriksaan penyakit-penyakit kanser, orang ramai yang perlu memenuhi syarat-syarat pendaftaran dan Kementerian Kesihatan menyeru agar orang ramai khususnya bagi yang layak menyertai program ini untuk mendaftar dan menyertainya.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:

Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Penyertaan Pertandingan Kreasi Klip Video 'Perubahan Iklim' kini dibukakan hingga 10 September



Pertandingan Kreasi Klip Video 'PERUBAHAN IKLIM'
SEKOLAH MENENGAH & MAKTAB-MAKTAB
SENEGARA TAHUN 2020

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
10 September 2020, Khamis, jam 3.30 petang

Tema Pertandingan:
'Perubahan Iklim'

PENGHANTARAN KARYA:
1. Tarikh akhir menghantar salinan liut Klip Video tidak lewat dari 14 Oktober 2020, hari Rabu, jam 3.30 petang, dan hendaklah dihantar melalui email ke unitakli.jpkk@gmail.com
2. Salinan dalam DVD / pendrive pula hendaklah dihantar sebelum / pada 17 Oktober 2020, Sabtu, jam 3.30 petang, di Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

MAKLUMAT PERTANDINGAN

Borang Penyertaan:
<https://bit.ly/BorangKlipVideo2020>

Sebarang pertanyaan: Mohamad Aqilah bin Draman (Pegawai Penyelaras) 2333041 ext. 209 / +673 8172658 / Aqilah.draman@moe.gov.bn

JABATAN Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli dengan kerjasama Mitsubishi Corporation di Brunei Darussalam dan Green Brunei, menganjurkan Pertandingan Kreasi Klip Video 'Perubahan Iklim' bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kurang kepekaan terhadap ilmu tentang penjagaan alam sekitar akan menyebabkan terjadinya fenomena alam yang buruk, seperti Tanah Runtuh, Pencemaran Udara, Pemanasan Global dan sebagainya.

Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Akli dengan kerjasama Mitsubishi Corporation di Brunei Darussalam dan Green Brunei,

menganjurkan Pertandingan Kreasi Klip Video 'Perubahan Iklim' bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara.

Pertandingan dibukakan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan Maktab-maktab di Negara Brunei Darussalam, di mana setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja, terdiri daripada tiga pelajar dan seorang guru pembimbing.

Tema pertandingan adalah 'Perubahan Iklim', di mana subtema boleh berunsur sokongan kepada hasrat negara ke arah Brunei Bersih dan Hijau, seperti tanah susur, pemanasan global, pencemaran udara, tema hijau, kitar semula, penanaman pokok, jejak karbon (*carbon footprint*), tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*), banjir dan sebagainya.

Pertandingan dihasrat untuk membarigakan pengetahuan dan mengenali punca-punca juga tabiat mengenai perubahan iklim kepada generasi muda, khususnya para pelajar dan apakah kesannya jika kurang peka terhadapnya.

Pertandingan Kreasi Klip Video 'Perubahan Iklim' ini merupakan satu pertandingan yang dibuat sebagai wadah pembarigaan kepada para pelajar mengenai kepentingan mengetahui akibat, kesan dan sikap sambil lewa terhadap pencemaran / pemuksahan alam sekitar.

Antara tujuan pertandingan, untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar dengan adaptasi praktikal tentang ilmu-ilmu yang dipelajari di sekolah, khususnya melalui mata pelajaran ICT.

Selain itu, untuk menambah kesedaran tentang kaedah pembarigaan ilmu menggunakan rakaman video-video pendek ini dapat menambahkan nilai lebih kefahaman juga kepekaan terhadap khalayak lebih ramai dan golongan masyarakat menyeluruh juga mencipta satu kaedah lain dalam menyampaikan ilmu dan maklumat ringkas, tepat, berkesan, juga padat dengan mesej-mesej yang ingin disampaikan.

Objektif pertandingan, antara lain untuk mengembangkan bakat dan menggilap potensi para pelajar dalam membuat video, berkonsepkan pendidikan, di samping membolehkan para pelajar menghayati dan

Oleh : Khartini Hamir
Infografik : Ihsan Jabatan Pendidikan Kokurikulum,
Kementerian Pendidikan

berkongsi ilmu mengenai bencana 'Perubahan Iklim'.

Untuk mengikuti pertandingan ini, setiap penyertaan hendaklah mengisikan borang yang boleh didapati melalui pautan <https://bit.ly/BorangKlipVideo2020> dan borang penyertaan yang lengkap diisi, hendaklah dihantar melalui e-mel ke unitakli.jpkk@gmail.com, tidak lewat Khamis, 10 September 2020, jam 3.30 petang.

Bagi tarikh akhir menghantar salinan liut Klip Video pula tidak lewat Rabu, 14 Oktober 2020, jam 3.30 petang dan hendaklah dihantar melalui e-mel ke unitakli.jpkk@gmail.com dan di cc ke hajidah.wahab@moe.gov.bn

juga hajidah.wahab@gmail.com.

Sementara, salinan dalam DVD / pendrive pula, hendaklah dihantar sebelum atau pada Sabtu, 17 Oktober 2020, jam 3.30 petang, di Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Untuk mengetahui lagi tentang syarat-syarat dan format pertandingan, bolehlah mengimbas kod QR yang terdapat di poster yang disediakan.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut bolehlah menghubungi Pegawai Penyalaras, Awang Mohamad Aqilah bin Draman menerusi talian +673 2333041 sambungan 209 atau +673 8172658 atau melalui e-mel ke Aqilah.draman@moe.gov.bn.



Hargai Pengorbanan Mereka

Mereka bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan awda selamat

HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148
WWW.MOH.GOV.BN

Pengaktifan e-Darussalam melalui TD123, Kaunter JPD

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Bermula 22 Mac 2020, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mula menggunakan perkhidmatan Talian Darussalam 123 (TD123) bagi pengaktifan akaun e-Darussalam sebagai inisiatif bagi memudahkan orang ramai untuk mengaktifkan akaun e-Darussalam secara dalam talian tanpa memerlukan pengunjug orang ramai ke kaunter-kaunter e-Darussalam di Jabatan-jabatan Kerajaan yang dikhaskan.

Untuk makluman orang ramai, kaunter - kaunter yang sedang beroperasi pada masa ini akan dihadkan bagi tujuan menggalakkan penyediaan tatacara pengaktifan e-Darussalam yang baru menggunakan TD123 secara dalam talian sepenuhnya.

Sehubungan itu, bermula 1 September 2020, kaunter

pengaktifan akaun e-Darussalam hanya akan dihadkan pembukaannya kepada empat cawangan sahaja, iaitu satu cawangan di setiap daerah. Waktu-waktu pembukaan kaunter bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga jam 3.00 petang pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Manakala pada Jumaat, kaunter dibuka pada jam 8.30 hingga 11.00 pagi.


Di Daerah Brunei dan Muara, kaunter pengaktifan dibuka di Cawangan Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) di Kampung Mata - Mata Gadong. Di Daerah Tutong, kaunter pengaktifan dibuka di Cawangan JPD, Cawangan Tutong di Jalan Sungai Basong. Seterusnya di Daerah Belait pula, kaunter pengaktifan dibuka di JPD, Cawangan Belait di Jalan

Setia Diraja.

Manakala di Daerah Temburong, kaunter pengaktifan dibuka di JPD, Cawangan Temburong di Pekan Bangar, Temburong.

Untuk makluman orang ramai, anggaran tempoh pengaktifan bagi pendaftaran-pendaftaran melalui TD123, iaitu mengaktifkan akaun e-Darussalam, di mana anggaran tempoh akaun akan aktif adalah selama satu hari, iaitu dalam masa 24 jam.

Di kesempatan ini, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ingin mengalu-alukan orang ramai untuk mengaktifkan akaun e-Darussalam secara dalam talian melalui aplikasi WhatsApp menerusi talian +673 8333123 atau e-mel ke info@td123.com.bn. Ilustrasi cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-Darussalam disertakan bersama kenyataan ini sebagai panduan. Orang ramai boleh juga melayari www.123.gov.bn atau mengikuti media sosial (Instagram, Facebook & Twitter @TD123).



akaun e-darussalam

Akaun e-darussalam awda adalah gerbang awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara online seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan awda, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak lagi.

Cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:

1. Layari www.gov.bn - Klik 'Daftar Sekarang' untuk memulakan pendaftaran
2. Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
3. Semak emel awda. Awda akan menerima emel mengenai tatacara untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
4. Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke TD123 melalui:
 - Whatsapp Live Chat (8333123)
 - atau
 - Emel (info@123.com.bn)
5. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:
 - Gambar awda sepadan dengan gambar dalam kad pengenalan awda
 - Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas
6. TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui emel.

*Tertakluk pada Terma dan Syarat

Untuk keterangan lanjut, layari www.gov.bn atau hubungi Talian Darussalam 123

gov.bn

Tingkat kesedaran HSE bersama warga Jabatan Muzium-Muzium



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Muzium-Muzium

ANTARA yang hadir mendengarkan Taklimat Kesedaran Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (Health, Safety and Environment - HSE) untuk warga Jabatan Muzium-Muzium.

Warisan Tasek Merimbun; Taman Arkeologi Kota Batu; Galeri Sukan; dan Arkib Negara Brunei Darussalam menghadiri taklimat berkenaan.

Turut hadir sama-sama mendengarkan taklimat tersebut, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad; Pegawai Tugas-Tugas Khas di Arkib Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Muzium-Muzium.

Taklimat disampaikan oleh wakil perunding Konsultan Syarikat Megamas Training Co.

Sdn. Bhd., Awang Andy Syahriel bin Ali, mengongsikan mengenai keselamatan bangunan, individu dan pengendalian peralatan.

Taklimat turut mengongsikan mengenai akta, berkaitan dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan, khususnya di tempat kerja juga bagaimana setiap petugas perlu mengetahui ciri-ciri keselamatan dan kesihatan, seterusnya menjadikannya sebagai satu budaya di tempat kerja.

Warga Jabatan Muzium-Muzium juga diberikan penerangan mengenai Autoriti SHENA (Safety, Health and Environment National Authority), yang ditubuhkan pada tahun 2018 dan bertanggungjawab untuk memastikan SHENA Order, 2018 ini dilaksanakan.

Kerjasama pertama kali di antara Jabatan Muzium-Muzium bersama Syarikat Megamas Training Co. Sdn. Bhd. ini, diadakan menjurus kepada meningkatkan kesedaran tentang pentingnya HSE kepada warga Jabatan Muzium-Muzium.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Jabatan Muzium-Muzium mengadakan Taklimat Kesedaran Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (Health, Safety and Environment - HSE) untuk warga Jabatan Muzium-Muzium. Seramai 80 orang barisan hadapan dari Jabatan Muzium-

Muzium, khususnya dari Muzium Alat Kebesaran Diraja; Muzium Teknologi Melayu; Muzium Maritim Brunei Darussalam; Muzium Daerah Belait; Taman

Meneroka inisiatif 1K1P Daerah Temburong



ANTARA peserta yang mengikuti pakej Darussalam Holdings Sdn. Bhd. Travel and Tour meneroka kepelbagaian budaya masyarakat di Negara Brunei Darussalam dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) di Daerah Temburong.

TEMBURONG, Isnin, 31 Ogos. - Negara Brunei Darussalam memang terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan tradisi yang masih lagi dipelihara dan dijaga untuk bekalan generasi pada masa yang datang sehingga ia tidak akan mudah pupus, walaupun ketika ini zaman sudah jauh berubah dengan perkembangan global yang moden dan sebagainya.

Sehubungan itu, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB) Travel and Tour memberikan peluang kepada orang ramai dengan tawaran pelbagai pakej pelancongan domestik yang menarik bagi tahun 2020.

Salah satu pakej baharu yang ditawarkan ialah meneroka kepelbagaian budaya masyarakat di Negara Brunei Darussalam dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) di Daerah Temburong, di mana pakej tersebut berperanan penting untuk memberikan pendedahan, memberikan

diberikan hidangan minuman selamat datang.

Selepas itu, rombongan dibawa meneroka kawasan rumah panjang tersebut dan menyaksikan dengan lebih dekat demonstrasi memasak ayam dengan menggunakan buluh dan dalam masa yang sama, rombongan juga berpeluang untuk membeli produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk tempatan di kampung berkenaan.

Selepas sahaja berkunjung ke Rumah Panjang Kampung Sibut, rombongan menuju ke Rumah Panjang yang terletak di Kampung Amo 'B' di bawah Majlis Perundingan Kampung Amo. Kedatangan peserta rombongan disambut oleh Ketua Kampung Amo, Awang Haji Suhaili bin Haji Badas. Sewaktu berada di rumah panjang berkenaan, rombongan berpeluang menyaksikan demonstrasi membuat kuih jala yang dibuat sendiri oleh penduduk di kampung berkenaan, malah rombongan juga berpeluang untuk membeli produk berkenaan.

Sebaik sahaja selesai meneroka produk yang dihasilkan di Kampung Amo, rombongan kemudian menuju ke Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi di bawah Majlis Perundingan Kampung Batu Apoi, di mana di situ, rombongan diperkenalkan tentang bagaimana proses pembuatan makanan tradisional penduduk tempatan yang terkenal, iaitu Ambulong atau Ambuyat.

Manakala pada sesi petang, rombongan meneruskan lawatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

ke Kampung Puni, Mukim Bangar, di bawah Majlis Perundingan Kampung Puni, di mana kedatangan rombongan disambut oleh Pemangku Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau. Di situ, rombongan berpeluang menyaksikan mengenai demonstrasi pembuatan telur masin, di mana sebagaimana di kampung-kampung lain turut dihasilkan oleh penduduk setempat di kampung berkenaan.

Pakej meneroka 1K1P tersebut diteruskan di Kampung Menengah, Mukim Bangar di bawah Majlis Perundingan Kampung Menengah. Kedatangan peserta rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Menengah. Sejurus selepas diperkenalkan mengenai aktiviti kampung, peserta berpeluang menyaksikan demonstrasi pembuatan karipap kecil yang

sememangnya terkenal dihasilkan di kampung berkenaan.

Bagi mengakhiri lawatan tersebut, peserta rombongan berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat pembuatan hasil kraf tangan manik-manik di kediaman salah seorang penduduk, Awang Haji Rosli bin Haji Hamid. Di situ, peserta rombongan berpeluang untuk membeli hasil-hasil kraf tangan tersebut, di mana sangat unik dan juga menarik serta sangat sesuai untuk perhiasan di ruang tamu.

Bagi awda yang ingin mendapatkan lebih lanjut mengenai pakej yang ditawarkan oleh DHSB dan menyaksikan sendiri keindahan serta kepelbagaian budaya, produk di Daerah Temburong, awda boleh menghubungi syarikat berkenaan menerusi talian +673 2238160 atau +673 2238161.



ANTARA hasil kraf tangan penduduk kampung yang dijual kepada para pengunjung.

Bina kemahiran melalui Program LIT



PERSATUAN Kemajuan Insan (KESAN) dengan kerjasama Majlis Belia Brunei (MBB) mengungkapkahkan platform baharu yang dinamakan sebagai LIT (Leader's Ignition Training).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) dengan kerjasama Majlis Belia Brunei (MBB) mengungkapkahkan platform baharu yang dinamakan sebagai LIT (Leader's Ignition

Training).

Platform ini bertujuan untuk memupuk para belia yang berusia 15 hingga 20 tahun dalam membina kemahiran dan meningkatkan kualiti kepimpinan yang kuat. Majlis tersebut

diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

LIT merupakan gabungan kaedah pembelajaran melalui perkongsian teori dan aktiviti praktikal. Program tersebut memfokuskan kepada pengurusan masa, di mana perkara tersebut dibentangkan oleh Dayang Nurizzatul Izzah binti Haji Abdul Rahman dari MBB dan



AWANG Hannan Ghani selaku salah seorang penyelarar program semasa menyerahkan sijil penyertaan kepada peserta.

pengurusan konflik, dibentangkan oleh Dayang Sarah binti Haji Mutalif dari KESAN.

Setiap peserta berpeluang untuk mempelajari kemahiran, khususnya dalam mengurus masa mereka dengan lebih berkesan bagi menyeimbangkan antara kerja sekolah dan selepas aktiviti sekolah serta bagaimana untuk menyelesaikan konflik dengan mengadaptasikan pengetahuan tentang keperibadian yang berbeza-beza.

Penyelaras program tersebut, Awang Hannan Ghani menjelaskan bahawa salah satu objektif utama program ini adalah

untuk memperkasakan belia dan membina kemahiran insaniah bagi pengembangan diri mereka.

Seterusnya, program ini akan dapat menyumbang kepada masyarakat yang lebih luas. "Kami percaya bahawa melalui platform ini, belia akan dapat membangun keupayaan diri, sekali gus memimpin orang lain dalam lingkungan mereka serta melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dalam masyarakat," jelasnya.

LIT dihadiri oleh pelajar dari sekolah menengah hingga institusi tinggi dan ditaja oleh Pustaka Remaja Sdn. Bhd. dan Hameera.bn.

Program Kejuruteraan Am UBD terima pengiktirafan ABET



PROGRAM Ijazah Sarjana Muda Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam Kejuruteraan Am mendapat pengiktirafan penuh oleh Suruhanjaya Akreditasi Kejuruteraan, Lembaga Akreditasi Kejuruteraan dan Teknologi (ABET).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Program Ijazah Sarjana Muda Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam Kejuruteraan Am mendapat pengiktirafan penuh daripada Suruhanjaya Akreditasi Kejuruteraan, Lembaga Akreditasi Kejuruteraan dan Teknologi (ABET).

ABET merupakan akreditasi global dalam program kolej juga universiti bagi sains, teknologi, pengkomputeran, kejuruteraan, dan teknologi kejuruteraan.

Ini adalah program kejuruteraan pertama di Negara Brunei Darussalam yang diakreditasi oleh ABET, yang berpusat di Amerika Syarikat, yang ditubuhkan pada tahun 1932.

Pengiktirafan ABET memastikan bahawa program memenuhi standard untuk

menghasilkan graduan yang bersedia menerokai bidang teknikal kritikal untuk menerajui inovasi dan teknologi baharu juga memenuhi keperluan kebajikan dan keselamatan orang ramai.

Dibangun oleh profesional teknikal daripada Ahli-ahli ABET, kriteria ABET menumpukan kepada apa yang dialami dan dipelajari oleh mahasiswa.

Ulasan pengiktirafan ABET menilai dari segi kurikulum program; fakulti; kemudahan; dan sokongan institusi, di mana ia dikendalikan oleh pasukan profesional yang berkemahiran tinggi dari industri, akademik dan pemerintah, dengan kepakaran dalam disiplin ABET.

Diusahakan di seluruh dunia, proses tinjauan rakan sebaya sukarela ABET sangat dihormati kerana ia memberikan nilai

penting pada program akademik dalam disiplin teknikal, di mana kualiti, ketepatan dan keselamatan sangat penting.

Program Kejuruteraan Am di UBD ditawarkan oleh Fakulti Teknologi Bersepadu (FIT), yang ditubuhkan pada tahun 2012.

Program tersebut membolehkan pelajar melakukan aliran dalam tiga jurusan, iaitu Sistem Maklumat dan Komunikasi; Sistem Tenaga; dan Sistem Pembuatan.

Menurut Dekan FIT, Profesor Dr. Chandratilak De Silva Liyanage, dari awal lagi, fakulti tersebut, sememangnya menekankan pada pendidikan kejuruteraan yang berpusat pada reka bentuk berkualiti, kurikulum inovatif yang meningkatkan perkembangan peribadi, dan profesional mahasiswa.

Jelasnya, ia adalah saat yang membanggakan kerana hasil daripada semangat dan dedikasi terhadap pendidikan berkualiti, fakulti tersebut memperoleh akreditasi ABET berkenaan secara retroaktif, mulai Oktober 2017.

Naib Canselor, UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, menyatakan, akreditasi ABET terhadap Program Kejuruteraan Am UBD memberikan keyakinan tinggi bahawa program kejuruteraan tersebut memenuhi piawaian antarabangsa yang tinggi dan penting dalam menyediakan graduan untuk menerokai bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics - STEM yang kritikal dalam persekitaran tenaga kerja

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

global yang mencabar.

Ia juga menempatkan UBD sebagai peserta antarabangsa dalam pendidikan yang kompetitif dan canggih, dari sudut teknologi, inovasi dan perusahaan juga menjadi tonggak yang benar-benar luar biasa bagi UBD dan bagi

pencapaian tersebut, pihak UBD merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sokongan padu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Ibu tunggal dipenjara 6 bulan angkara dadah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 September. - Seorang ibu tunggal warga tempatan dijatuhkan hukuman enam bulan penjara di Mahkamah Majistret, di ibu negara.

Tertuduh, Nurul Amirah binti Rosli mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman bagi dua pertuduhan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Pemangku Majistret Kanan Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu bermula hari ini.

Tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(b) kerana memakan dadah terkawal jenis 'A', Methamphetamine dalam serbuan oleh para Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) pada 12 Mac 2013 dan 20 Februari 2015. Dalam kejadian tersebut, tertuduh bersama dengan dua orang lelaki.

Hasil ujian air kencing, tertuduh didapati positif mengandungi dadah. Dalam rekod tertuduh sebelum ini, tertuduh tidak pernah melakukan kesalahan, iaitu memakan dadah terkawal.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa, Ainorazimah binti Haji Zabidi.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**JABATAN
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**JAWATAN KOSONG
DI SEKRETARIAT KOMANWEL
LONDON**

JAWATAN

Adviser, Agriculture & Fisheries
Trade Policy Trade, Oceans and
Natural Resources Directorate
Tarikh Tutup :
8 September 2020

Untuk makluman,
pemohon-pemohon yang berminat
hendaklah memohon terus melalui
laman sesawang :
<http://thecommonwealth.org/jobs>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**NO TAWARAN :
MINDEF / DFA / 2020 / GRU / TA /
001**

**BUS MEDIUM
26 - 30 SEATERS**

**BAYARAN TAWARAN :
BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :
SELASA,
22 SEPTEMBER 2020,
TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**NO TAWARAN :
JPPK / LTK / 02 / 2020**

**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND INSTALL NEW
WATER TANK FOR COOLING
TOWER AT DEFENCE ACADEMY,
TANAH JAMBU**

**BAYARAN TAWARAN :
BND 10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP :
TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG,**

**SELASA,
22 SEPTEMBER 2020**



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BIL. (9) JBS / ADM / UP / 2020

**1. (66) JBS / ADM / QC / 2020
URGENT REPAIR WORKS FOR
WATER PUMP AT AQUATIC
CENTRE, TUTONG SPORTS
COMPLEX, MINISTRY OF
CULTURE, YOUTH AND SPORTS,
BRUNEI DARUSSALAM**

YURAN TAWARAN BND 10.00

**2. (67) JBS / ADM / QC / 2020
TO ACTIVATE NON-FUNCTIONAL
SCOREBOARD AT PADANG DAN
BELAPAN SPORT COMPLEX,
STADIUM NEGARA
HASSANAL BOLKIAH**

YURAN TAWARAN BND 10.00

**3. (68) JBS / ADM / QC / 2020
URGENT REPAIR WORKS PUBLIC
& STAFF TOILET AND
ELECTRICAL WORKS
AT MUMONG SPORTS COMPLEX,
KUALA BELAIT**

YURAN TAWARAN BND 10.00

**BIL TAWARAN
4. (08) JBS / ADM / TDR / 08 / 2020
PENYEWAAN TEMPOH LIMA (5)
TAHUN FITNESS CENTRE DAN
GYM, KOMPLEKS SUKAN
TUTONG, TUTONG**

YURAN TAWARAN BND 25.00

5. (09) JBS / ADM / TDR / 09 / 2020

**PENYEWAAN TEMPOH LIMA (5)
TAHUN KAFETERIA, KOLAM
RENANG KOMPLEKS
SUKAN TEMBURONG,
TEMBURONG**

YURAN TAWARAN BND 25.00

**6. (10) JBS / ADM / TDR / 10 / 2020
PENYEWAAN TEMPOH LIMA (5)
TAHUN KAFETERIA PUSAT
AKUATIK KOMPLEKS
SUKAN TUTONG, TUTONG**

YURAN TAWARAN BND 25.00

Tarikh Tutup : 15 September 2020 /
27 Muharam 1442 (Selasa)
Jam : Tidak Lewat Jam 2.00 Petang
Cagaran : Seperti yang dinyatakan pada
Keterangan sebut harga bagi setiap satu
dokumen (Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : KA01**

**TARIKH TUTUP :
29 SEPTEMBER 2020 (SELASA),
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DOR / SRM 25 / 2020**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN
JALAN RAYA BERINTEGRASI DI
LEBUH RAYA MUARA - BELAIT**

**YURAN TAWARAN :
BND1,000.00**

(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E-DOKUMEN : TIDAK ADA



JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN SEBUT HARGA

JSS / SH (PB) / KS / 12 / 2020 - 2021

2 September 2020

**Tarikh tutup :
8 September 2020,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang**

**KETERANGAN :
SEBUT HARGA UNTUK
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
BAJU SUKAN BAGI PENUNTUT
SEKOLAH MENENGAH BERAKAS,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,
BANDAR SERI BEGAWAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN
2020 / 2021**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND5.00**

**[bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]**

Tarikh dibukakan :



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : IV & V
SAHAJA KATEGORI : KA01 & S02
SAHAJA**

**TARIKH TUTUP :
6 OKTOBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 013 / 2020**

**NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA OPERASI LOJI
RAWATAN AIR BUKIT BARUN,
TUTONG (2021-2023)**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
II (II & III) SAHAJA
KATEGORI :
[KA 01, M03 & E01 SAHAJA]
- KOD BAHARU**

**TARIKH TUTUP :
29 SEPTEMBER 2020 (SELASA),
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DDS 011 / 2020 (SEW).T.II**

**NAMA PROJEK :
MENAİK TARAF SISTEM SKRIN
STESAN-STESAN PAM
PEMBETUNGAN DI
KAWASAN-KAWASAN KOMERSIAL
DAN SKIM PERUMAHAN NEGARA**

**FASA 1 - MEMBAIKI KEROSAKAN
SKRIN-SKRIN MEKANIKAL YANG
SEDIA ADA**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
IV, V & VI
KATEGORI : (KPB11 SAHAJA) -
KOD BAHARU**

**TARIKH TUTUP :
29 SEPTEMBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 45 / STE / 2020 - T / V**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
KEROSAKAN STRUKTUR
KUBAH-KUBAH MASJID JAME'
'ASR HASSANAL BOLKIAH**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
KELAS : II, III & IV SAHAJA
KATEGORI :
KPB12 SAHAJA**

**TARIKH TUTUP :
29 SEPTEMBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM 021 / 2020**

**NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL DUA (2)
TAHUN UNTUK KERJA-KERJA
LANDSKAP DI JALAN
LAPANGAN TERBANG LAMA
(PWD HQ, DOR, DDS, DBS &
BKTKS / DTS) DAN TASEK LAMA
(DWS), BANDAR SERI BEGAWAN**

**BIL. PROJEK :
2020DBSBM / JKR.03**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
AUD / PTMK / Q&T / 2020-2021 / 08**

PEMBEKALAN TONER PRINTER

**JENIS TONER PRINTER
1. DELL 3460DN
KUANTITI 27**

**2. SAMSUNG CLP680ND - BLACK
KUANTITI 1**

**3. SAMSUNG CLP680ND -
MAGENTA
KUANTITI 2**

**4. SAMSUNG CLP680ND -
WASTE TONER
KUANTITI 1**

**5. LEXMARK C950DE A3 COLOR
LASER PRINTER - BLACK
KUANTITI 2**

**6. LEXMARK C950DE A3
LASER PRINTER - YELLOW
KUANTITI 3**

7. HP COLOR LASERJET CP2020 -

**CYAN
KUANTITI 2**

**8. HP COLOR LASERJET CP2020 -
YELLOW
KUANTITI 2**

**TARIKH TUTUP :
SELASA,
8 SEPTEMBER 2020,
JAM 2.00 PETANG**



JABATAN PERDANA MENTERI

**JUALAN LELONG KENDERAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

JABATAN Perdana Menteri akan mengadakan **JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP BAGI KENDERAAN - KENDERAAN JABATAN PERDANA MENTERI** bertempat di Unit Kenderaan (Pool Transport), Spg. 15, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Borang-borang tawaran boleh didapati di Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri pada 3 September 2020 hingga 7 September 2020 di alamat berikut (Kenderaan yang ditawarkan boleh dilihat di tempat dan tarikh yang sama) :

**Unit Kenderaan,
Jabatan Perdana Menteri
Spg. 15, Jalan Lapangan Terbang**

Lama, Berakas

Bayaran perkhidmatan **Lima Puluh Ringgit (BND50.00)** akan dikenakan bagi setiap penyertaan (sebuah kenderaan)

SYARAT - SYARAT JUALAN LELONG :

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran tersebut atau lain-lain tawaran.

2. Kenderaan yang dijual ini adalah **dalam kenderaan seadanya 'as is basis'** dan tidak ada jaminan dari pihak kerajaan.

3. Kenderaan boleh dilihat pada tarikh-tarikh dan waktu berikut :

**3 September 2020, 5 September 2020,
6 September 2020
dan 7 September 2020
8.30 Pagi hingga 3.30 Petang**

**4 September 2020 (Jumaat)
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.30 Petang hingga 3.30 Petang**

4. Alamat : **Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Spg. 15, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.**

5. Tawaran-tawaran boleh dibuat pada tarikh dan masa seperti di para 3.

6. Bayaran perkhidmatan Lima Puluh Ringgit (BND50.00) akan dikenakan bagi setiap penyertaan (sebuah kenderaan). (Sila ambil perhatian bahawa bayaran perkhidmatan ini tidak dikembalikan).

7. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Pembeli yang berjaya akan

dimaklumkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tutup tawaran.

9. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dan memindahkan kenderaan tersebut dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat tawaran berjaya dikeluarkan.

10. Kenderaan yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tersebut akan dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

11. Keputusan Jawatankuasa ahli-ahli lelong adalah muktamad, sebarang surat menyurat dan bantahan tidak akan dilayan.

**LOT 1
JENIS
BMW 750I L7**

**TAHUN DIDAFARKAN
06 / 10 / 1998**

**HARGA PERMULAAN LELONG
BND4,500.00**


MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG
**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG**
**SURAT KUASA PUSAKA NO. :
T / LA / 30 / 2020**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD AISAMUDDIN BIN HAJI SELAMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD BAHRIN BIN HAJI SELAMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **5 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Ogos 2020.

SURAT KUASA PUSAKA NO. :
T / LA / 32 / 2020
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SIAH BINTI AMPIL** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ALAK BIN DUKOT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **5 SEPTEMBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Ogos 2020.

**(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)**
b/p Tim. Pegawai Waris
Tutong
Negara Brunei Darussalam.


**MAHKAMAH MAJISTRET
DAERAH TEMBURONG**
**MAHKAMAH MAJISTRET
DAERAH TEMBURONG
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**
**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TEMBURONG**
**SURAT KUASA PUSAKA
NO. TEMB / LA / 02 / 2020**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH MASNAH BINTI HAJI ABU SALAM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABU SALAM BIN ABD RAHMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH TEMBURONG** pada **12 SEPTEMBER 2020, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. TEMB / LA / 06 / 2020**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUJAH ANAK PILANG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PILANG ANAK NYAWA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa

permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH TEMBURONG** pada **12 SEPTEMBER 2020, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 Ogos 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. TEMB / LA / 10 / 2020**
KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JUNY ANAK AMBUN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AMBON ANAK PARAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH TEMBURONG** pada **12 SEPTEMBER 2020, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Ogos 2020.

**(MOHAMAD JAZMI
BIN HAJI MOHAMAD KAMEL)**
Pendaftar Mahkamah Rendah
b.p Pegawai Waris
Mahkamah Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam.


KEMENTERIAN KESIHATAN
**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**BILANGAN TAWARAN
KK / 89 / 2020 / 2021 / LAB (TC)**

**TAWARAN
TO SUPPLY, PROVIDE AND
DELIVER EXTERNAL QUALITY
ASSURANCE PROGRAMS
(ANATOMICAL PATHOLOGY AND
CYTOPATHOLOGY) FOR
HISTOLOGY AND CYTOLOGY
LABORATORY & MORTUARY
SERVICES, DEPARTMENT OF
LABORATORY SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH FOR A
PERIOD OF THREE (3) YEARS
USAGE**

**YURAN TAWARAN
BND10.00**
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 90 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN
BND 500.00**
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 91 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN
BND 30.00**
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 92 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN
BND30.00**
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 93 / 2020 / 2021**
TAWARAN

**TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN
BND30.00**
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 94 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

YURAN TAWARAN BND30.00
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 95 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

YURAN TAWARAN BND10.00
**BILANGAN TAWARAN
PHARM / 96 / 2020 / 2021**

**TAWARAN
TO SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH**

YURAN TAWARAN BND10.00

**TARIKH TUTUP
15 SEPTEMBER 2020,
TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG**


**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III sahaja dan Kategori Kerja S02 bagi :

Nama Projek : **THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR GENERAL MAINTENANCE WORKS AT RPN KG. RIMBA (ZONE B) IN BRUNEI-MUARA DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bil. Projek : **JKP / 04 / 2020**

Nama Projek : **THREE (3) YEARS TERM CONTRACT FOR GENERAL MAINTENANCE WORKS AT RPN KG. TANAH JAMBU (ZONE B) IN BRUNEI-MUARA DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bil. Projek : **JKP / 06 / 2020**

Tarikh Tutup Tawaran :
**15 September 2020
(Selasa),
Tidak lewat jam
2.00 Petang**





Usaha memanfaatkan herba kita

SEMENJAK dari dulu lagi, tumbuh-tumbuhan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Beberapa ribu tahun dahulu, tumbuhan telah digunakan dengan meluasnya sebagai makanan dan juga ubatan. Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang mampu untuk dijadikan ubat-ubatan tradisional. Ubat tradisional sememangnya kaya dengan nutrien, serta kebolehnya untuk mengubati berbagai jenis penyakit. Ia telah digunakan semenjak dari dahulu lagi dan kekal menjadi rawatan yang popular sehingga sekarang. Ubatan tradisional ialah satu sains atau latihan dalam perubatan dan penjagaan kesihatan yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Ubat ini telah diturunkan secara lisan atau secara bertulis melalui amalan-amalan atau kepercayaan sesuatu komuniti. Kali ini, Apa Pendapat Biskita turut mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai dengan industri herba ini.

"Kepentingan industri herba sebagai ubatan jelas ia penghasilan produk perubatan daripada sumber tumbuhan. Terdapat peningkatan corak masyarakat kini berubah daripada menggunakan perubatan sintetik kepada perawatan herba. Antara sebab perubahan ini termasuklah keutamaan kepada perubatan kesihatan yang bersesuaian dan boleh dikendalikan sendiri. Pasaran produk berasaskan herba dan perubatan herba khususnya, adalah penting bagi kita membangunkan industri warisan herbanya. Bagi mengembangkan industri herba di negara kita, mungkin kita perlu mengadakan Seminar Industri Herba Menjana Ekonomi Baru dengan tujuan mempromosi produk-produk herba tempatan yang berkhasiat yang telah melalui kajian saintifik dan klinikal sebagai sumber produk kesihatan alternatif dan kajian sains bagi herba-herba terpilih seperti Tongkat Ali, Misai Kucing, Dokong Anak, Kacip Fatimah, Hempedu Bumi dan lain-lain herba yang berpotensi untuk kegunaan kesihatan". - Mohd Yakob bin Masri, MUARA.

"Memandangkan negara kita mempunyai khazanah kepelbagaian flora dan fauna, sudah semestinya ia boleh menjana kekayaan dalam konteks pengeluaran hasil untuk dimanfaatkan dan khazanah hutan adalah tanaman herba, di mana ia menunjukkan sejak dahulu lagi merupakan warisan nenek moyang di dalam menghasilkan ubat-ubatan bercirikan farmaseutikal. Memandangkan kos perubatan yang menggunakan herba lebih murah jika dibandingkan dengan perubatan secara klinikal. Bahan-bahan perubatan diperolehi dari kawasan tempat tinggal. Sebagai contoh, daun belimbing buluh boleh dijadikan ubat darah tinggi, daun misai kucing dikatakan dapat merawat penyakit kencing manis, daun bunga raya putih pula dapat menurunkan kepanasan demam. Namun kebanyakan pihak tidak sedar bahawa industri herba juga mampu meningkatkan ekonomi negara yang semakin dipinggirkan. Sebenarnya, industri ini berpotensi tinggi untuk dimajukan dan dijangka akan memberi banyak sumbangan dalam ekonomi negara. Industri herba merupakan wadah bagi menghasilkan ubat-ubatan yang dibuat oleh penduduk kampung yang masih menggunakan teknik tradisional yang diwarisi sejak zaman nenek moyang mereka. Memang tidak dapat dinafikan sebenarnya penghasilan ubat-ubatan herba ini memainkan peranan penting kepada negara. Jika industri herba dimajukan, peluang pekerjaan juga akan bertambah dan seterusnya taraf kehidupan penduduk juga dapat ditingkatkan terutama bagi kawasan pedalaman". - Haji Saifuddin SH, KIJARONG.

"Tidak syak lagi bahawa tumbuhan adalah merupakan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak ternilai kepada manusia. Bukan sahaja sebagai bahan makanan sehari-hari, bahkan untuk kegunaan berbagai bidang kehidupan mereka. Termasuklah bidang perubatan, menyembuhkan dan mencegah berbagai jenis penyakit. Sejak dari zaman purba manusia primitif yang hidup di sesuatu bahagian muka bumi ini, mungkin sudah dapat mengenali segala jenis tumbuhan yang terdapat di sekitar kawasan kediaman mereka. Mereka sudah dapat memastikan dan membezakan di antara tumbuhan yang boleh dimakan dengan tumbuhan yang mengandungi racun yang boleh memudaratkan. Kebiasaannya cara ubatan tradisional Melayu menggunakan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan herba dalam merawat sesuatu jenis penyakit, di mana tumbuh-tumbuhan herba ini akan dicampurkan bersama-sama mengikut cara-cara yang tertentu. Sama ada dengan cara memasak kesemua tumbuhan tersebut ataupun dengan menggilingnya dan berbagai cara lagi. Jamu ialah ubat tradisional yang telah digunakan oleh nenek moyang kita sejak dahulu lagi. Mereka telah mengamalkan penggunaan jamu ini untuk mengubati berbagai jenis penyakit dan tidak ketinggalan juga untuk menyihatkan dan menguatkan badan. Pemakanan dan penggunaan ubat tradisional yang asli ini masih diamalkan hingga ke hari ini. Walaupun perubatan moden digunakan secara meluas dan dikembangkan dengan begitu canggih sekali. Keberkesanan penggunaan jamu yang jarang memberi kesan sampingan telah terbukti melalui pengalaman para pengamal yang setia". - Hajah Siti Badriah binti Suhaili, TUTONG.

Justeru, di sini sebagai penulis ruangan APB, saya juga berpendapat jelaslah bahawa tumbuh-tumbuhan herba sememangnya penting dalam perubatan Melayu, di mana ia telah terbukti dalam menyembuhkan berbagai jenis penyakit. Di samping itu juga, ia amat penting dalam penjagaan kesihatan serta kecantikan. Apa yang penting adalah kesedaran kita semua untuk menyedari serta menghargai sumber alam semula jadi yang mempunyai banyak khasiatnya.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Isu Pembuangan Anak Damit.
ii. Stres Dalam Kalangan Pelajar.



Kenali Bahasa Brunei

barabis bermaksud

1. dengan sepenuh hati, dengan bersungguh-sungguh, dengan habis tenaga untuk melakukan sesuatu.

Contoh pemakaian kata :

a. dari kalamarin udah ia **barabis** mambuat karaja atu.

b. luan **barabis** ia manarik tali atu, nah putus bah ulihnya.

2. sangat banyak membeli barang ketika berbelanja.

Contoh pemakaian kata : **barabis** jua bisdia mambali naindah atu, panuh bunit matuka.

bahadukan bermaksud dijodohkan dengan pilihan orang tua.

Contoh pemakaian kata : urang lagi dau, mun kan kawin main **bahadukan** saja.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BATU APOI



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

PAIS UBI KAYU

BAHAN-BAHANNYA :

5 ketul ubi kayu
5 sudu gula
Kelapa parut secukupnya
Daun nyirik untuk membungkus

CARA MEMBUATNYA :

Parutkan ubi kayu tersebut terlebih dahulu. Kemudian campur bersama kelapa parut. Setelah itu, masukkan gula dan

gaul rata. Lalu dibungkus menggunakan daun nyirik. Setelah itu, bolehlah dikukus hingga ubi kayu tersebut masak dan siap untuk dihidangkan.

Projek Rintis disambut baik



PENGARAH Urusan ADBS Sdn. Bhd., Awang Haji Ibrahim bin Haji Awang Damit semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) baru-baru ini melancarkan Projek Rintis bagi menguji cuba teknologi Global Positioning System (GPS) untuk menggantikan teknologi Alat Amaran Laju (Speed Warning Device - SWD) yang ada pada ketika ini.

Melalui projek itu, Ahli Jawatankuasa Projek Rintis akan meneliti dan menilai maklumat yang diperolehi, khususnya dari segi keberkesannya dalam penguatkuasaan serta *sustainability* dan seterusnya menghadapi sokongan sama ada ia akan dapat diterapkan secara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid

menyeluruh.

SWD mula dikuatkuasakan semenjak 2002 di bawah Peraturan-peraturan Lalu Lintas Jalan Raya (Kenderaan Bermotor (Alat Amaran Laju), 2002, di mana ia bertujuan mengawal had laju kenderaan.

Di Negara Brunei Darussalam, SWD dipasang di atas kenderaan-kenderaan komersial, kenderaan berat dan pengangkutan awam, di mana ia akan mengeluarkan bunyi bising menyebabkan pemandunya terpaksa mengurangkan had laju.

Manakala itu, lampu SWD yang dipasang pada kenderaan juga akan menyala untuk menarik perhatian pihak penguatkuasaan peraturan dan undang-undang, Pasukan Polis Diraja Brunei atau JPD untuk mengambil tindakan.

Semua kenderaan milik kerajaan atau bukan kerajaan, khususnya kenderaan berat, kenderaan komersial dan pengangkutan awam adalah dikehendaki dipasang SWD.

SWD berkenaan juga digunakan bagi memantau perjalanan kenderaan termasuklah tatacara kenderaan dipandu atau dikendalikan seperti *harsh braking*, *harsh turning*, berhenti dan perihai berkaitan pemandu seperti memakai tali pinggang keselamatan atau tidak semasa mengendalikan kenderaan.

Pelita Brunei berkesempatan mendapatkan pandangan daripada orang ramai mengenai

pelaksanaan Projek Rintis tersebut. Dayang Nasriah binti Awang Nasib dari Kampung Tagap, Jerudong mengambil baik pelaksanaan Projek Rintis berkenaan untuk kenderaan-kenderaan komersial kenderaan berat dan pengangkutan awam kerana memikirkan keselamatan orang ramai, bukan sahaja bagi pemandu, bahkan juga bagi orang sekeliling.

Seperti yang dimaklumi sebelum ini jelasnya, SWD memang juga dipasangkan pada bas-bas sekolah dan dengan adanya lagi penambahbaikan menggunakan teknologi GPS, mungkin ia akan lebih memberikan hasil yang terbaik.

Sebagai contoh tambahannya, pemandu bas sekolah bertanggungjawab menjaga keselamatan anak-anak sekolah selaku penumpang yang dibawa, dan mereka perlulah memandu dengan berhemah dengan mematuhi had kelajuan yang telah ditetapkan, begitu juga dengan kenderaan-kenderaan lain.

Sementara itu, Pengarah Urusan ADBS Sdn. Bhd., Awang Haji Ibrahim bin Haji Awang Damit turut berpendapat yang sama, di mana pelaksanaannya nanti dapat membantu pihak berwajib bagi memantau perjalanan kenderaan termasuklah tatacara kenderaan dipandu.

Walaupun pihak JPD baru melaksanakan Projek Rintis bagi menguji cuba, ia diharap akan dapat memberikan hasil yang lebih



ANTARA jenis pengangkutan awam yang akan dipasang SWD oleh JPD bagi Projek Rintis.

baik dan keberkesanan yang ketara.

Beliau turut menyentuh mengenai sistem yang diguna pakai di luar negara, di mana pihak penguatkuasaan yang berkenaan di negara-negara luar sudah melaksanakan sistem mengesan had kelajuan kenderaan, iaitu melalui Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di jalan-jalan raya dan sebagainya.

"Bagi pandangan saya, sistem begini lebih efektif dan berkesan dan mungkin boleh dilaksanakan di negara ini satu hari nanti dengan melaksanakan teknologi yang lebih maju dan canggih demi keselamatan semua pengguna jalan raya bukan sahaja bagi kenderaan-kenderaan komersial, malah bagi kenderaan persendirian secara umumnya," ujarnya.

Syarikatnya yang beroperasi sejak 50 tahun lalu menawarkan

perkhidmatan bas sewa dengan kapasiti muatan 22, 33 dan 45 kerusi bagi perkhidmatan bas awam, perkhidmatan bas antara negara dengan laluan negara BIMP-EAGA dan bas sewa khas.

Semasa sesi Sidang Media JPD dan Pasukan Polis Diraja Brunei baru-baru ini, pihak JPD menerangkan bahawa beberapa buah syarikat tempatan telah mengguna pakai SWD berkenaan dan maklum balas yang diterima setakat ini menunjukkan keberkesannya dalam memantau kenderaan-kenderaan milik syarikat berkenaan.

Dalam pada itu, semua pemandu kenderaan berat dan kenderaan komersial juga diingatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Penggal 68 dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh JPD.

Tawar kemudahan set jenazah



PENGASAS bersama perusahaan berkenaan, Dayang Nurul Shahida binti Hamzah semasa ditemu bual bersama Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Kematian itu merupakan suatu kepastian kerana setiap makhluk Allah bernama manusia juga akan merasai mati dan kembali kepada alam barzakh sehingga tibanya hari pengadilan, iaitu akhirat kelak.

Semua urusan kematian seperti bila, waktu mahupun bagaimana kita mati itu semuanya dalam perancangan Allah Subhanahu Wata'ala dan kita harus sentiasa beringat dengan mempersiapkan diri sebelum menghadap Ilahi nanti.

Berikutan tiada kepastian mengenai bila mati manusia itu,

Syarikat Din Al-Islam menawarkan pakej atau set pengurusan jenazah untuk memudahkan kaum keluarga atau saudara-mara yang meninggal dunia.

Berdasarkan daripada pengalaman sebelumnya, inisiatif Perusahaan Din Al-Islam tertubuh atas dasar memberikan kemudahan terutama kepada yang belum mahir mengenai perihai pengurusan peralatan atau barang untuk jenazah dengan set perkhidmatan jenazah yang mereka tawarkan.

Pengasas bersama perusahaan berkenaan, Dayang Nurul Shahida binti Hamzah juga menjelaskan, mereka juga menyediakan khidmat bagi mewakafkan set berkenaan dan dihantar ke tempat-tempat pengurusan jenazah, termasuk masjid-masjid bagi yang memerlukan.

Tambahnya, pihak mereka juga bersedia dan beroperasi 24 jam dan sebaiknya hendaklah dihubungi terlebih dahulu sebelum datang atau mendapatkan khidmat mereka.

Selain itu, mereka juga menyediakan beberapa set

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Dayang Nurul Shahida Hamzah

khidmat fardu kifayah lain, iaitu set rukun, mandikan dan penggapai dengan kadar bayaran yang berbeza.

Dayang Nurul Shahida seterusnya menambah, dengan niat dan misi, mereka berharap dapat meringankan lagi dalam pengurusan jenazah, di samping amalan berpanjangan sesuai dengan antara maksud Din Al-Islam yang bererti kelengkapan

Islam. "Perancangan kami masa hadapan, insyaaAllah untuk menjadi pusat pengurusan jenazah yang senang dan mudah dicari di setiap daerah," jelasnya lagi.

Sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan juga harga pakej yang disediakan bolehlah menghubungi mereka melalui laman media sosial di Facebook : *Din Al-Islam* atau Facebook Page : *Din Al-Islam.bn*.



ANTARA pakej yang terdapat dalam set pengurusan jenazah yang disediakan oleh Syarikat Din Al-Islam.

فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PSC
PUBLIC SERVICE CENTRE

Instant Sinjang, inovasi gabungan tradisi, moden



PENGASAS Syarikat Tapih Rancung, Awang Haji Ahmad Najib bin Haji Ali Hassan ketika menggayakan Instant Sinjang rekaan hasil syarikatnya.

JERUDONG, Isnin, 31 Ogos. - Selaku rakyat Negara Brunei Darussalam, pemakaian sinjang memang menjadi pakaian rasmi ketika menghadiri mana-mana majlis seperti majlis rasmi negara ataupun hanya menghadiri majlis kenduri saudara-mara.

Sinjang merupakan pakaian yang melengkapi pakaian Baju Cara Melayu yang menampilkan kemelayuan dan KeBruneian kita. Tapih Rancung mengambil aspek kepentingan tersebut bagi memberikan pilihan yang inovatif untuk menyelesaikan masalah kesulitan ketika memakai sinjang.

Demikian yang dinyatakan oleh Pengasas Syarikat Tapih Rancung, Awang Haji Ahmad Najib bin Haji Ali Hassan, 35, yang mempunyai kelulusan Bachelor of Arts - Major in Arts in Creative Technology semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei baru-baru ini ketika menyingkap sedikit tentang

aspek manakah menjadikan Instant Sinjang rekaan Tapih Rancung yang juga selaku salah seorang pemenang Pertandingan Startup Weekend Brunei - Creative Tech Edition.

Jelasnya, Tapih Rancung mampu menghasilkan rekaan bentuk Instant Sinjang dengan menggunakan program teknologi berkomputer yang berbentuk tiga dimensi (3D) secara *virtual*. Dengan menggunakan bahan-bahan yang praktikal dan asas produk inovatif ini akan tetap mengekalkan kualiti dan keunikan yang menggabungkan pakaian tradisional serta idea moden bagi menembusi pasaran antarabangsa pada satu hari nanti.

"Saya berasa sangat bersyukur dan gembira, walaupun mendapat tempat ketiga. Ketika pertandingan tersebut, terdapat banyak idea-idea perniagaan yang inovatif yang boleh memberi manfaat dan kepentingan pada masyarakat tempatan, khususnya golongan muda dalam kita menyahut hasrat Wawasan Brunei 2035, bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi. Pertandingan ini juga menampilkan betapa generasi sekarang sudah mula menyiapkan diri mereka untuk menempuhi cabaran dan mengambil langkah positif dalam era dunia Revolusi Industri Keempat," jelasnya melahirkan kegembiraan apabila terpilih sebagai salah seorang pemenang pertandingan berkenaan.

Awang Haji Ahmad Najib yang juga selaku pereka Tapih Rancung menjelaskan mengenai sejarah awal penubuhan Tapih Rancung, "Tapih Rancung ini secara rasminya ditubuhkan oleh saya dan isteri saya pada Ogos 2018 setelah saya memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Startup Weekend Brunei - Creative Tech Edition yang mana pertandingan ini adalah salah satu aktiviti bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan. Pada masa sekarang, syarikat ini dijalankan bersama

atas persetujuan kolaborasi dengan sebuah syarikat tempatan pembuatan pakaian".

Menurutnya, teretusnya idea untuk menghasilkan Instant Sinjang bermula dua tahun yang lalu ketika beliau mengambil program latihan dalam perkhidmatan di Universiti Brunei Darussalam dalam modul Brunei Traditional Arts and Crafts.

Tambahnya, ketika itu, mereka ditugaskan untuk mencari sesuatu yang tradisional untuk diubah menjadi satu produk yang inovatif yang mampu menyelesaikan masalah di dalam dunia moden sekarang.

"Ketika itu hasrat saya untuk mencipta produk ini hanya untuk menyelesaikan masalah yang kerap berlaku ketika majlis persandingan. Mengikut trend pada ketika ini, pasangan pengantin akan mengadakan dua atau tiga acara dalam satu hari yang mana pasangan pengantin akan menukar pakaian mengikut acara-acara yang diadakan dalam hari yang sama.

Setelah membuat penyelidikan dan pembentangan tentang produk ini, pensyarah saya yang mendorong saya untuk menjadikan produk ini satu produk perniagaan memandangkan trend dan penggunaan sinjang di negara ini mempunyai kepentingan yang sangat mendalam," jelasnya lagi.

Apabila disoal mengenai keunikan dan perbezaan Instant Sinjang yang terdapat di Tapih Rancung dengan sinjang-sinjang yang ada berjual di kedai-kedai.

"Tujuan utama Instant Sinjang ini direka cipta adalah untuk membantu mana-mana individu yang mempunyai masalah yang sering mereka hadapi seperti kerap longgar, memakan masa yang lama, perlu bantuan orang lain, yang boleh menyebabkan mereka merasa tidak selesa dan kurang berkeyakinan untuk bergaya.

"Dengan keunikan yang direka mengikut tapih-tapih yang dahulunya terkenal seperti Tapih Timun, Tapih Kemudi, Tapih

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Awang Haji Ahmad Najib Haji Ali Hassan

Potong Pancung, Tapih Imi-Imi, Tapih Si Bujang dan Tapih Orang Bersanding, ia mampu memberi keselesaan dan terutama sekali menjimatkan masa si pemakai untuk memakai sinjang dengan lebih bergaya, ringkas dan mengekalkan kekemasan pada individu tersebut," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai harga-harga sinjang yang terdapat di Tapih Rancung ialah di dalam anggaran BND100 - BND200 tertakluk kepada jenis koleksi tapih yang tersedia pakai (Ready to Wear - RTW) dari ukuran saiz XS hingga 3XL.

Terangnya, Tapih Rancung juga ada menyediakan perkhidmatan *conversion*, di mana klien mereka boleh menukar sinjang mereka sendiri untuk dijadikan Instant Sinjang dengan anggaran harga dari BND65 - BND95 mengikut saiz dan jenis tapih yang mereka pilih.

Menyentuh mengenai barang-barang penting yang diperlukan bagi membuat Instant Sinjang ini, jelasnya, antara barang-barang yang penting untuk menghasilkan Instant Sinjang ini adalah seperti kain sinjang, magnet dan Velcro.

Jenis-jenis kain yang sudah digunakan untuk menghasilkan Instant Sinjang setakat ini terangnya, adalah seperti kain songket. Selain itu, Kain Tenunan Asli Brunei seperti Kain Beragi, Kain Betabur dan Kain Tajong juga turut dihasilkan di Tapih Rancung. Manakala sinjang yang diperbuat daripada *cotton printed* juga boleh digunakan.

Pada setakat ini, Tapih Rancung menghasilkan Instant Sinjang lebih daripada 70 pasang, daripada koleksi RTW dan juga daripada tempahan *conversion*, daripada hasil jualan di kedai dan juga daripada ekspo yang diadakan pada tahun lalu.

Awang Haji Ahmad Najib berharap agar Tapih Rancung akan berkembang dan mencapai visinya yang ingin menampilkan pakaian tradisional lelaki yang inovatif agar lebih dinamik dan sederhana, di samping mementingkan budaya dan warisan seorang lelaki sejati. Misi kami adalah untuk mentakrifkan semula gaya lelaki dengan keanggunan yang tulen dan memberikan perkhidmatan dan produk yang berkualiti demi untuk memuaskan hati klien.

"Pada masa yang akan datang, insyaaAllah syarikat kami berhasrat untuk membukakan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda tempatan agar mereka dapat bergiat lebih aktif di dalam bidang keusahawanan untuk meningkatkan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Orang ramai yang berminat bagi mendapatkan perkhidmatan Instant Sinjang daripada Tapih Rancung boleh menghubungi dan melayari laman Instagram, @tapihrancung dan Facebook, TapihRancung atau melayari <https://www.karyakitani.com/tapih-rancung/>, ujarnya lagi.

Sedikit kata nasihat kepada belia-belua agar sentiasa berfikiran positif dan tidak mudah mengelah, berani gagal serta menerima risiko untuk mencapai kejayaan, sering mengambil peluang yang mempunyai kepentingan untuk meningkatkan prestasi diri dan kelilingi diri awda dengan orang-orang yang positif yang turut mempunyai keinginan untuk sama-sama berjaya. Banyakkan berdoa agar usaha kita semua akan sentiasa diberi kerahmatan dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.



INSTANT Sinjang yang tersedia dijual di Tapih Rancung menggabungkan di antara corak tradisi dan juga moden.

PANDUAN UNTUK

MAKANAN DIPAMERKAN SECARA TERBUKA

Seperti 'Salad bars', bahan segar & produk roti

Sentiasa membersihkan & menyah-kuman semua permukaan & peralatan.

Menyediakan sanitiser tangan untuk pelanggan yang keluar & masuk dari premis makanan.

Produk-produk yang dipamerkan secara layan-sendiri & terbuka hendaklah disimpan didalam pembungkus plastik, *clingwrap* atau kertas.

Penyepit makanan yang bersih mestilah digunakan oleh pelanggan yang ingin mengambil makanan dari kabinet pameran plexiglass.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn



Kenali budaya dan tradisi masyarakat kitani

Angkat martabat seni budaya warisan kita dahulu kala



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sumber Bahan : Bahagian Kebudayaan dan Kesenian,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TARIAN tradisional dan etnik Brunei penuh dengan kreativiti dan nilai-nilai seni, di mana bila sahaja para penari memulakan persembahan, setentunya akan menari dengan penuh penghayatan mengikut rentak dan alunan lagu.

Salah satu khazanah warisan kebudayaan negara yang berharga dan perlu dikekalkan supaya tidak pupus ditelan zaman ialah Tarian Klasik Brunei yang dikenali sebagai Tarian Alai Asyik yang telah lama bertapak di negara ini dan mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri.

Tarian Alai Asyik

Tarian Alai Asyik juga dikenali dengan Tarian Dayang Melinggang atau Tarian Dang Mengalai. Tarian ini berasal dari kalangan Istana kerana ia cuma ditarikan oleh dayang-dayang istana sahaja yang dipilih dengan mempunyai bentuk tubuh badan yang 'Landai Daming' dengan rambut yang panjang, yang bermula ketika usia yang sangat muda. Tarian serba lemah lembut dan cukup dengan gaya tangan dan lenggokannya ini juga boleh sahaja memukau dan mempesona penonton yang menyaksikannya.

Tarian ini biasanya dipersembahkan mengikut majlis yang hendak diadakan seperti perkahwinan dengan diiringi alat bunyi-bunyian seperti Gulintangan, Gambang, Agong, Canang dan Gendang Labik. Manakala bagi majlis sederhana pula seperti menghiburkan tetamu yang datang, tarian yang diiringi oleh bunyi-bunyian seperti Rempna, Dombak, Rotan Pecah dan tepukan tangan sahaja.

Biasanya tarian ini diketuai dan dimulakan oleh seorang penari yang dipanggil 'Kepala Tanda', manakala penari-penari yang mengiringinya pula dipanggil 'Dayang Asyik' seramai 14 orang, iaitu tujuh orang sebaris. Dayang Asyik akan berjalan dengan perlahan sambil 'Mengipak' Sibar Dayang - 'Kain Panjang Sembilan

Hasta' yang dilipat untuk menutup keseluruhan bahagian atas tubuh sepengalai yang merupakan pakaian lengkap untuk tarian ini.

Selain daripada menutup badan, fungsi 'Sibar Dayang' ini juga digunakan sebagai peralatan tarian seperti 'Memburu Ternakan', 'Berayun' dan sebagainya. Setiap pergerakan yang dibentuk mempunyai maksud-maksud yang tertentu seperti 'Mengangkat Kayu', 'Menggiling Rempah', 'Bersiram', 'Mendudukan Anak', 'Menghidupkan Api', 'Menutup Jendela' dan 'Memburu Unggas'.

Pakaian yang digunakan oleh para penari Tarian Alai Asyik ialah pakaian berwarna serba kuning keemas-emasan yang diperbuat daripada Kain Tenunan Brunei dengan memakai alat-alat aksesori pengantin.

Tarian yang penuh dengan tatatertib dan sopan santun ini bukanlah tarian yang calang-calang kerana ia dikatakan 'berisi' seperti juga tarian-tarian tradisi atau asli yang mempunyai maksudnya tersendiri.

Penutup

Tarian-tarian tradisi dan asli seperti ini seharusnya diketengahkan kepada generasi muda sebagai penyambung budaya tarian asli negara dan agar penari-penari tempatan dapat menghidupkan semula tarian ini bagi memperkayakan khazanah seni Tari Asli Brunei.

Selain itu, tarian-tarian tradisi ini juga dapat menarik perhatian pelancong-pelancong untuk menyaksikan Tarian Asli Brunei, di samping menarik minat generasi baharu untuk mengenali warisan seni tari kitani.

Dengan penganjuran seperti bengkel-bengkel, ia akan dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan mengenai tarian-tarian tradisional dan asli Brunei kepada generasi baharu, di samping itu, pelapis-pelapis untuk diserapkan bagi persembahan-persembahan akan datang boleh dikenal pasti.





Menjaga kesejahteraan OKU pendengaran

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

KESEDARAN tentang keperluan memeduli ke atas kesejahteraan Orang Kurang Upaya (*persons with disabilities* - OKU) pendengaran memang sentiasa ada dalam kalangan masyarakat di negara ini. Menyedari hakikat itu, Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan Brunei Darussalam (POKPKBD) telah ditubuhkan dengan pelaksanaan pelbagai program pemeduliaan. Lebih 7,000 OKU telah didaftarkan di Jabatan Pembangunan Masyarakat dan dari jumlah tersebut, seramai 248 adalah OKU pendengaran.

Sikap pemeduliaan terhadap golongan tersebut amat bertepatan dengan esensi yang terkandung dalam Konvensyen Hak OKU yang diluluskan semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada Disember 2006 bagi memastikan OKU menikmati hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain.

Golongan ini juga merupakan aset bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, sosial dan kemakmuran negara dalam mencapai Wawasan 2035, di mana mereka ini sentiasa diberikan peluang kesaksamaan dalam semua aspek kehidupan yang sama seperti individu yang normal.

Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan Brunei Darussalam (POKPKBD)

POKPKBD ditubuhkan pada 13 Jun 2010. Bangunan persatuan ini terletak di Unit 11, Tingkat 3, Bangunan Flat C2, Kampung Anggerek Desa. Persatuan berkenaan diketuai oleh Yang Di-Pertua POKPKBD, Awang Khairul Anuar bin Haji

Jofari.

Matlamat dan misi POKPKBD, iaitu memastikan perpaduan dalam kalangan ahli dan orang ramai (sukarelawan) direalisasikan dari semasa ke semasa serta aktif dalam kehidupan seharian melalui aktiviti keagamaan, sosioekonomi, pendidikan, seni, budaya dan sukan, serta dalam kepelbagaian bidang lain; untuk memberi ruang pergaulan yang lebih luas dan memberi keyakinan diri kepada orang-orang yang mempunyai masalah pendengaran untuk berinteraksi dengan masyarakat normal; untuk menaik taraf kehidupan masyarakat bermasalah pendengaran, terutama ahli-ahlinya dalam semua bidang dengan menyediakan dan merancang aktiviti-aktiviti; dan mengeratkan hubungan muhibah dan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli persatuan berkenaan; serta melahirkan ahli-ahli, terutama para penyandang masalah pendengaran yang proaktif, progresif dan dinamik mengikut kehendak semasa.

Bengkel Bahasa Isyarat

Bagi memudahkan komunikasi dan meningkatkan rasa empati dalam diri mereka yang normal apabila berkomunikasi bersama individu berkeperluan khas, sehubungan itu, POKPKBD sering mengendalikan Bengkel Asas Bahasa Isyarat bersama pihak-pihak yang berkepentingan.

Bengkel yang diadakan secara percuma itu merupakan salah satu usaha POKPKBD untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai terhadap kepentingan dan tatacara penggunaan bahasa isyarat dalam berkomunikasi bersama OKU yang

mengalami masalah pendengaran. Di antara Bengkel-bengkel Bahasa Isyarat yang telah dikendalikan oleh persatuan tersebut antaranya, Bengkel Bahasa Isyarat pada 17 - 19 Oktober 2019 anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan Kuala Belait; Bengkel Bahasa Isyarat 21 - 23 Mac 2019 di Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Bukit Beruang Tutong; dan Bengkel Asas Bahasa Isyarat anjuran bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan pada 25 Februari 2019.

Bengkel-bengkel yang diadakan itu diajarkan oleh tenaga pengajar dari POKPKBD, di mana para peserta akan mempelajari beberapa modul asas bahasa isyarat yang merangkumi bentuk tangan (*hand shapes*) untuk mengeja huruf dan nombor, tatacara berkomunikasi dengan memberikan ucapan salam dan pertanyaan dalam bahasa isyarat. Dengan adanya bengkel bahasa isyarat yang dibukakan kepada pelbagai peringkat masyarakat umum ini diharap akan dapat memberikan peluang kepada masyarakat umum untuk mempelajari bahasa isyarat dan seterusnya dapat meningkatkan penerimaan masyarakat yang normal terhadap OKU pendengaran dalam melakukan pelbagai aktiviti harian.

Aktiviti Sepanjang Tahun

Ke arah mengumpulkan dan menyatupadukan dalam kalangan ahli-ahli persatuan tersebut, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti meliputi kegiatan agama, sosioekonomi, pendidikan, seni, budaya dan sukan. Antara aktiviti yang disertai oleh ahli-ahli persatuan ini ialah Perbarisan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun, Kejohanan Bowling Persahabatan Kali Ke-3 antara POKPKBD dengan Persatuan Orang Kurang Pendengaran, Miri, Sarawak di Kompleks Grand Seria Bowling pada 1 Disember 2019; dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan setiap tahun dan sebagainya.

Sokongan Moral

Selain memberikan pendidikan, sentiasa menjaga kesejahteraan dan kebajikan OKU, sokongan moral amat penting terhadap OKU, termasuk OKU pendengaran agar mereka tidak berasa tersisih daripada masyarakat yang lainnya. Dengan adanya sokongan moral ini, sudah setentunya akan membina keyakinan diri mereka dan seterusnya memotivasikan mereka untuk memanfaatkan potensi yang sedia ada dan dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara.



Malaysia intai tiket acara recurve berpasukan ke Olimpik Tokyo



KUALA LUMPUR, 1 Sept. - Skuad memanah recurve lelaki negara dijangka menyertai dua pusingan Kejohanan Piala Dunia pada tahun hadapan bagi memburu tiket acara berpasukan ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang bakal berlangsung pada Julai 2021.

Dua pusingan kejohanan berkenaan adalah pusingan kedua di Shanghai, China dari 17 hingga 23 Mei dan pusingan ketiga di Paris, Perancis dari 22 hingga 27 Jun.

Ketua jurulatih skuad memanah kebangsaan, Lee Jae Hyung berkata skuad memanah recurve negara sebelum ini bakal menyertai Kejohanan Piala Asia di Bangkok, Thailand pada Mac 2021 sebagai medan pemanasan

badan sebelum menyertai dua Kejohanan Piala Dunia berkenaan.

"Kita masih ada ruang pada dua Kejohanan Piala Dunia yang menawarkan tiket dalam acara berpasukan recurve ke Sukan Olimpik Tokyo pada tahun hadapan," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Lee berharap tiga pemanah negara dapat menggunakan peluang pada tiga kejohanan berkenaan untuk mengikuti Olimpian negara, Khairul Anuar Mohamad ke Tokyo kelak.

Tiga pemanah berkenaan ialah Haziq Kamaruddin, Mohd Akmal Nor Hasrin dan Muhamad Zarif Syahiir Zolkepli.

Khairul Anuar sudah mengesahkan tiket ke Tokyo lebih awal selepas meraih pingat perak dalam acara recurve individu pada Kejohanan Dunia 2019 di Hertogenbosch, Belanda.

"Sekarang kesemua atlet kita masih menjalani latihan seperti biasa di Lapang Sasar Memanah Bukit Jalil sejak beberapa bulan lalu.

"Saya akan membuat penilaian dalam setiap pertandingan yang disertai pada tahun hadapan bagi memastikan hanya yang terbaik akan ke Sukan Olimpik sekiranya kita layak dalam acara berpasukan," jelas Lee yang fasih berbahasa Melayu.

Gandingan Khairul Anuar, Haziq serta Mohd Akmal pernah

layak ke Sukan Olimpik Rio 2016, namun gagal meraih keputusan positif dalam acara recurve individu dan berpasukan setelah tersingkir pada pusingan awal. Sebelum menghadapi saingan

antarabangsa pada tahun hadapan, skuad kebangsaan dijadual menyertai Kejohanan Memanah Kebangsaan yang bakal diadakan pada hujung tahun ini. - ©BERNAMA

Kes COVID-19 Rusia cecah 1 juta

MOSCOW, 1 Sept. - Rusia mencatatkan 4,729 kes baharu COVID-19 dalam 24 jam lalu, menjadikan jumlah keseluruhan kepada lebih sejuta, kata pusat tindakan COVID-19 negara itu dalam satu kenyataan pada Selasa.

Agensi berita Xinhua

melaporkan jumlah kes mencecah 1,000,048, manakala 123 kematian baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kematian kepada 17,299.

Moscow, wilayah paling teruk dilanda, melaporkan 641 kes baharu, menjadikan jumlah jangkitan kepada 263,059, kata pusat itu.

Menurut kenyataan itu, 815,705 pesakit telah pulih setakat ini, termasuk 6,318 sejak sehari yang lalu.

Setakat Isnin, 211,248 pesakit masih dalam pemerhatian perubatan, sementara lebih daripada 36.9 juta ujian telah dilakukan di seluruh negara. - ©BERNAMA

Pesisir pantai Perlis laluan baharu sindiket seludup ketum - PGA

BUKIT KAYU HITAM, 1 Sept. - Sindiket penyeludupan daun ketum dipercayai beralih ke kawasan laut di pesisiran pantai Batu Putih, Perlis sebagai laluan baharu untuk menyeludup daun ketum ke negara jiran.

Pegawai Pemerintah Batalion 2, Pasukan Gerakan Am (PGA) Kulim, Supt Md Dali Jamil berkata tindakan tersebut susulan kawalan ketat menerusi Op Benteng COVID-19 yang dilaksanakan di sempadan negara dari Bukit Kayu

Hitam hingga Wang Kelian.

"Batalion 2 PGA Kulim yang mengambil alih penugasan (mengawal sempadan) sejak 3 Ogos lepas berjaya merampas 11.8 tan metrik daun ketum bernilai RM348,000 dan daripada jumlah itu, sebanyak 2.5 tan daun ketum dirampas dari penyeludup yang menggunakan bot pancung di kawasan pantai tersebut.

"Kami melihat trend penyeludupan telah berubah dengan menggunakan pesisir pantai di Perlis terutama di Batu

Putih untuk menyeludup daun ketum ke negara jiran, sebelum ini tidak ada kes di situ, sekarang ada lima kes," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Md Dali berkata sepanjang tempoh penugasan bermula 4 Ogos sehingga semalam, pihaknya telah menahan tujuh pendatang tanpa izin terdiri daripada warganegara Thailand, China, Myanmar dan Bangladesh yang cuba menyeludup masuk ke negara ini.

"Seorang warganegara China yang ditahan juga cuba merasuah anggota kita sebanyak USD3,069 (RM12,869) kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah serta memiliki tiga pasport antarabangsa milik orang lain. Kes diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata dua warga tempatan berusia 40-an pula ditahan selepas didapati cuba menyeludup pelbagai jenis dadah ke negara jiran di satu kawasan di Padang Besar, Perlis, 22 Ogos lepas.

Md Dali berkata sepanjang tempoh penugasan itu, pihaknya turut menyita 26 buah kenderaan dan merampas 200 botol ubat batuk serta pelbagai jenis dadah yang kesemuanya dianggarkan bernilai lebih RM580,000. - ©BERNAMA



BUKIT KAYU HITAM, 1 Sept. - Pegawai Pemerintah Batalion 2 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kulim Supt Md Dali Jamil (tiga, kanan) menunjukkan daun ketum yang dirampas sepanjang Op Benteng COVID-19 di Markas Taktikal PGA Bukit Kayu Hitam hari ini. Sindiket penyeludupan daun ketum dipercayai beralih ke kawasan laut di pesisiran pantai Batu Putih Perlis sebagai laluan baharu untuk menyeludup daun ketum ke negara jiran. - ©BERNAMA

Jangkitan COVID-19 di Myanmar meningkat kepada 882, dengan 95 lagi kes baharu

YANGON, 1 Sept. - Jumlah jangkitan COVID-19 di Myanmar meningkat kepada 882 dengan 95 lagi kes disahkan dilaporkan pada Isnin malam, lapor agensi berita Xinhua memetik kenyataan Kementerian Kesihatan dan Sukan.

Pada Isnin sahaja Myanmar melaporkan 107 kes mencatat lonjakan tertinggi dalam sehari sejak virus itu mula menular lima bulan lalu.

Myanmar mengesan kes baharu membabitkan jangkitan tempatan pada 16 Ogos sejak kes tempatan terakhir dilaporkan pada 16 Julai. Sejak 16 Ogos peningkatan kes turut dilaporkan berlaku di Rakhine.

Sebanyak 157,843 sampel diuji dan 7,624 pesakit kini dalam siasatan, menurut data kementerian.

Menurut kementerian itu lagi sebanyak 354 pesakit sudah sembuh.

Myanmar melaporkan dua kes positif pertama pada 23 Mac dengan enam kematian dicatatkan setakat ini. - ©BERNAMA

Israel kecualikan pelancong Thailand jalani kuarantin

BANGKOK, 1 Sept. - Israel telah menyenaraikan Thailand dalam daftar "negara hijau", yang mengecualikan pelancong Thailand daripada dikuarantin semasa ketibaan, lapor Agensi Berita Thailand (TNA) memetik wakil jurucakap Kementerian Luar, Natapanu Nopakun.

Kedutaan Thailand di Tel Aviv melaporkan pekerja Thailand di sektor pertanian dan warga asing, yang tiba dari Thailand dikecualikan daripada kuarantin 14 hari, kata Natapanu.

Pelancong lain, yang tinggal di negara-negara hijau 14 hari sebelum perjalanan mereka ke Israel juga dibenarkan melepasi kuarantin wajib.

Israel meletakkan 21 negara dalam senarai itu dua minggu lalu. Penyertaan tersebut menjadikan 30 negara dalam senarai keseluruhan.

Australia, Taiwan, Singapura, Itali, Denmark dan England adalah antara 30 negara hijau.

Sementara itu, 187 negara diklasifikasikan sebagai zon merah. Pelancong dari zon merah dikenakan syarat kuarantin sendiri. - ©BERNAMA

Vietnam sambung semula penerbangan ke Korea Selatan, Jepun mulai 15 September

HANOI, 1 Sept. - Lembaga Penerbangan Awam Vietnam (CAAV) merancang menyambung semula laluan udara dengan Korea Selatan dan Jepun pada 15 September, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Pengarah CAAV Dinh Viet Thang berkata pada Isnin rundingan mengenai perkata itu sudahpun selesai.

Terdapat lapan penerbangan setiap minggu, masing-masing empat dengan Jepun dan Korea Selatan.

Semua penumpang akan dikenakan kuarantin wajib selama 14 hari untuk mengelakkan penularan COVID-19, katanya.

Sehubungan itu pada Selasa Kementerian Pengangkutan akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga Kerja, Orang Kurang Upaya dan Hal Ehwal Sosial untuk membincangkan perkara itu secara terperinci, terutamanya mengenai langkah kuarantin.

Sebelum ini, Kementerian Pengangkutan mencadangkan laluan udara antarabangsa komersial dibuka semula pada 1 Ogos.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa meramalkan industri penerbangan di dunia memerlukan tempoh sehingga 2024 untuk pulih. Syarikat penerbangan Vietnam diramal mengalami kerugian lebih US\$4 bilion tahun ini. - ©BERNAMA



Trump pertahanan remaja dituduh tembak tiga individu di Kenosha

BOGOTA, 1 Sept. - Presiden Donald Trump pada Isnin membela suspek lelaki bersenjata berusia 17 tahun Kyle Rittenhouse, yang didakwa menembak tiga penunjuk perasaan di Kenosha, Wisconsin minggu lalu, termasuk dua cedera parah.

Trump ketika ditanya dalam sidang media di Rumah Putih adakah beliau mempertahankan Rittenhouse, kerana mengambil tindakan sendiri, katanya remaja itu telah "diserang dengan ganas," dia bertindak mempertahankan diri, lapor agensi berita Anadolu. "Ia adalah situasi yang menarik. Anda melihat rakaman kejadian

sama seperti yang saya lihat, dan dia cuba menjauhkan diri daripada mereka, saya rasa, ia kelihatan seperti, dia jatuh dan kemudian mereka menyerang dengan ganas dan itu yang kita lihat sekarang dan ia masih dalam siasatan," kata Trump. "Saya rasa dia berada dalam masalah yang sangat besar. Dia mungkin akan terbunuh," tambahnya.

Rittenhouse, yang dilaporkan menyokong gerakan propolis Blue Lives Matter, berdepan dua pertuduhan membunuh dan satu cubaan membunuh susulan kejadian yang berlaku pada 25 Ogos lalu, menyebabkan dua

penunjuk perasaan maut.

Kejadian tembakan itu berlaku di bandar yang telah sehari-hari dicengkam protes terhadap ketidakadilan kaum dan keganasan polis, setelah Jacob Blake, seorang lelaki kulit hitam, ditembak tujuh kali oleh seorang pegawai polis berkulit putih.

Peguaan bela Rittenhouse menyatakan remaja itu bertindak membela diri, tetapi aduan yang diajukan oleh pendakwaraya Kenosha County menyatakan dia melepaskan tembakan ke arah penunjuk perasaan yang tidak bersenjata.

Penangkapannya dibuat setelah seorang individu memuatnaik rakaman kejadian itu di media sosial.

Rakaman itu menunjukkan tiga tembakan kedengaran dengan remaja berkulit putih sambil memegang selaras senapang melarikan diri dari tempat kejadian sambil berkata di telefon bimbitnya, "Saya baru saja membunuh seseorang".

Individu yang memakai seluar biru dan kemeja hijau yang sama dilihat dalam rakaman video pemerhati yang lain menunjukkan

dia sedang dikejar oleh penunjuk perasaan sebelum tersandung dan melepaskan tembakan ke arah penunjuk perasaan ketika mereka berusaha merampas senjatanya.

Rittenhouse ditangkap keesokannya di kejiranan Illinois.

Sidang akhbar presiden itu diadakan hanya beberapa jam selepas calon presiden Demokrat Joe Biden menuduh Trump mencetuskan keganasan pada tunjuk perasaan baru-baru ini. Tidak lama selepas presiden mengakhiri ucapannya, Biden mengecam Trump kerana menolak "untuk menegur kekerasan".

"Beliau bahkan tidak akan menafikan salah seorang penyokongnya yang didakwa melakukan pembunuhan. Beliau terlalu lemah, terlalu takut untuk menghentikan kebencian yang telah dicetuskannya," ciap Biden di Twitter.

"Saya mendesak Presiden Trump agar bergabung dengan saya untuk menyatakan bahawa protes damai adalah hak yang penting - keganasan adalah salah. Tamat. Sekiranya beliau tidak dapat mengatakannya, maka beliau

tidak layak menjadi Presiden".

Semasa taklimat media, Trump mengumumkan beliau tidak merancang untuk membatalkan lawatannya ke Kenosha pada Selasa, tidak mempedulikan Gabenor Wisconsin, Tony Evers, yang dalam suratnya pada Ahad mendesak Trump supaya membatalkan lawatan itu, menyatakan kehadiran presiden "hanya akan melambatkan usaha kami untuk menghalang perpecahan dan maju bersama".

Trump juga berkata beliau tidak akan bertemu keluarga Blake semasa lawatannya ke Wisconsin kerana "tidak wajar" untuk bercakap dengan peguaan keluarga itu.

"Saya fikir lebih baik tidak melakukan apa-apa jika ada peguaan yang terlibat," katanya. "Mereka mahu saya bercakap, tetapi mereka mahu melibatkan peguaan, dan saya fikir itu tidak sesuai, jadi saya tidak melakukannya".

Trump dijadualkan bertemu dengan penguatkuasa undang-undang dan pemilik perniagaan di Kenosha. - ©BERNAMA

Presiden Venezuela ampunkan lebih 100 pemimpin pembangkang

CARACAS, 1 Sept. - Presiden Venezuela Nicolas Maduro pada Isnin mengampunkan lebih 100 pemimpin pembangkang yang sedang menjalani hukuman atau menghadapi tuduhan jenayah, menjelang pilihan raya parlimen pada 6 Disember, lapor agensi berita Xinhua.

Menteri Komunikasi dan Penerangan Jorge Rodriguez berkata langkah itu bertujuan untuk "menggalakkan keamanan dan penyelesaian kontroversi melalui saluran perlembagaan dan pilihan raya".

Antara mereka yang diberikan keampunan itu ialah 27 timbalan menteri daripada pelbagai parti politik.

Pengampunan itu sebagai jaminan semua pihak boleh menyertai pilihan raya, kata Rodriguez. - ©BERNAMA

Pewaris Samsung Lee Jae Yong, bakal didakwa kerana menipu

SEOUL, 1 Sept. - Pewaris Samsung Group Lee Jae Yong bakal didakwa kerana terbabit dengan isu penggabungan syarikat yang mencetuskan kontroversi dan penipuan akaun, lapor berita Yonhap memetik sumber undang-undang pada Selasa.

Difahamkan pihak pendakwaan akan meneruskan siasatan dan mendakwa Lee tanpa penahanan, susulan kes manipulasi saham dan pelanggaran undang-undang pasaran modal berhubung penggabungan dua syarikat Cheil Industries Inc dan Samsung C&T pada 2015, serta penipuan akaun unit farmasi Samsung Biologics.

Pendakwa mengesyaki Lee, naib ketua Samsung Electronics, terlibat dalam skim merancang penggabungan dan penipuan dengan cara mengambil alih kawalan syarikat konglomerat terbesar negara itu daripada ayahnya Lee Kun Hee, yang sedang sakit akibat serangan jantung pada 2014.

Lee juga disyaki terlibat dengan sebahagian rancangan meningkatkan nilai Samsung Bioepis, usaha sama antara Samsung Biologics, anak syarikat Cheil Industries dan Biogen Inc. yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Beliau bagaimanapun, menafikan sekeras-kerasnya semua dakwaan itu sejak siasatan dimulakan pada November 2018.

Namun, pihak pendakwa yakin mempunyai bukti yang cukup untuk meneruskan siasatan dan mendakwa Lee. - ©BERNAMA

6 maut dalam kejadian letupan bom kereta di Timur Afghanistan

GARDEZ (AFGHANISTAN), 1 Sept. - Sekurang-kurangnya tiga polis Afghanistan dan tiga penyerang maut dalam kejadian letupan bom kereta di luar kem polis di Gardez, Paktia di timur Afghanistan pada Selasa, kata gabenor wilayah itu.

"Hari ini kira-kira pukul 5.30 pagi, seorang pengebom bunuh diri meletupkan sebuah kereta di luar kem polis di Gardez. Dua lelaki bersenjata cuba memasuki kemudahan itu sejurus selepas letupan tetapi ditembak mati oleh polis di pintu pagar bangunan," kata Haleem Fedai kepada Xinhua.

Lima anggota polis cedera ringan dalam kejadian yang turut merosakkan pintu depan bangunan yang menempatkan kem polis berkenaan, kata pegawai itu.

Mangsa yang cedera dihantar ke sebuah hospital di wilayah itu, kira-kira 100 kilometer di selatan Kabul.

Beliau menuduh kumpulan militan Taliban bertanggungjawab melakukan serangan itu. - ©BERNAMA

Hamis capai persefahaman penyelesaian konflik di Gaza

GAZA CITY, 1 Sept. - Rundingan antara Israel dan Hamas dengan Qatar sebagai orang tengah, bersepakat untuk mengurangkan konflik yang semakin memuncak di Semenanjung Gaza, lapor agensi berita Anadolu.

Kumpulan Palestin Hamas pada Isnin menyatakan telah mencapai persefahaman untuk "menghalang gerakan dan menghentikan pencerobohan Zionis" ke atas Semenanjung Gaza.

Kenyataan berkenaan dikeluarkan pejabat ketua kumpulan itu di Semenanjung Gaza yang diduduki, Yahya Sinwar susulan rundingan yang diterajui

Qatar.

"Setelah berdialog dan berkomunikasi terakhir diterajui perwakilan Qatar, Duta Besar Mohammed Al-Emadi, persefahaman telah dicapai untuk menghalang gerakan dan menghentikan pencerobohan Zionis ke atas rakyat kita," kata Sinwar.

Kenyataan itu menunjukkan bahawa "situasi akan kembali seperti keadaan sebelum ini," sambil menzahirkan ucapan "terima kasih dan penghargaan atas usaha dan sokongan Qatar untuk rakyat kita".

Tiada sebarang komen dari Tel Aviv mengenai kenyataan Hamas

itu.

Bagaimanapun, rangkaian televisyen swasta Israel (13) melaporkan: "Tel Aviv dan Hamas telah mencapai persefahaman termasuk menghentikan pelancaran belon api dari Semenanjung Gaza dan membuka sempadan".

"Zon penangkapan ikan di Semenanjung Gaza akan dibuka kembali, begitu juga dengan laluan Baitulmaqdis dan Erez".

Serangan Israel di Semenanjung Gaza memuncak ekoran tindak balas terhadap serangan belon api yang dilancarkan rakyat Palestin di kawasan sempadan Israel. - ©BERNAMA

Polis tahan 43 warga asing leka berhibur di 'disko haram'

KLANG, 1 Sept. - Polis menahan 43 warga asing dalam serbuan di sebuah premis tiga tingkat yang diubah suai menjadi 'disko haram' di Bayu Perdana, di sini pada malam ambang Hari Kebangsaan, Ahad lepas.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan ACP Shamsul Amar Ramli berkata dalam serbuan kira-kira pukul 11.30 malam itu, kesemua suspek berumur lingkungan 20 hingga 40 tahun sedang leka berhibur.

Beliau berkata 40 daripada yang ditahan terdiri daripada 25 lelaki dan 15 wanita warga Indonesia manakala tiga lagi merupakan warga Bangladesh dipercayai penjaga disko haram

berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati sebahagian daripada mereka adalah pendatang tanpa izin dan ada yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1963," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Klang Selatan, di sini hari ini.

Beliau berkata disko haram yang dikesan mula beroperasi beberapa tahun lepas juga pernah diserbu beberapa kali sebelum ini namun mereka masih 'berani' menjalankan kegiatan sama.

Katanya, siasatan lanjut mendapati hanya individu yang mempunyai jemputan oleh pihak penganjur sahaja dibenarkan

memasuki dan berhibur di disko haram berkenaan kerana kebanyakan yang ditahan tidak menetap di daerah Klang.

"Pengunjung disko haram itu adalah mereka yang menerima jemputan (daripada penganjur) menerusi media sosial kerana jika tidak mempunyai jemputan, individu itu dilarang untuk memasuki premis berkenaan," katanya.

Shamsul Amar berkata siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesan dalang pengoperasian disko haram tersebut dan kesemua warga asing itu direman sehingga 13 Sept ini untuk siasatan lanjut. - ©BERNAMA

Dua premis judi dalam talian diserbu, 30 individu ditahan



KUALA LUMPUR, 31 Ogos. - Polis menahan 30 individu termasuk tiga warganegara China yang dipercayai terbabit dengan kegiatan judi dalam talian selepas menyerbu dua premis dalam Ops Dadu di Jalan Tun Razak di sini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kuala Lumpur SAC Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, dalam serbuan pertama kira-kira jam 10.00 malam, 22 orang lelaki termasuk seorang penjaga premis berusia antara 19 dan 30 tahun ditahan.

Beliau berkata siasatan mendapati premis yang beroperasi dari jam 12.00 tengah hari sehingga 11.00 malam setiap hari itu baru dibuka sejak 15 hari lepas

dan didalangi seorang lelaki tempatan yang dikenali sebagai Nick.

"Keuntungan harian mereka dianggarkan mencecah kira-kira RMB120,000 (RM73,000). Modus operandi yang digunakan adalah menghantar ratusan pesanan melalui aplikasi Soul, Wechat dan Telegram kepada pelanggan bagi tujuan mempromosikan perjudian dalam talian," katanya ketika dihubungi Bernama.

Menurutnya dalam serbuan kedua kira-kira 12.15 tengah malam pula, empat orang lelaki dan empat wanita berusia antara 21 dan 27 tahun ditahan. Nik Ros Azhan berkata siasatan mendapati kegiatan yang didalangi seorang

lelaki tempatan bernama Ah Chen itu beroperasi 7.30 pagi sehingga 7.30 malam setiap hari sejak enam bulan lepas.

"Anggaran keuntungan harian sindiket ini kira-kira RMB150,000. Semua perhubungan pelanggan dengan sindiket ini dibuat menerusi aplikasi Chat dan Skype," katanya dan menambah kedua-dua sindiket ini dipercayai menyasarkan pelanggan dari China.

Beliau berkata semua suspek dan barang rampasan antaranya monitor, telefon bimbit dan beberapa unit pemprosesan komputer (CPU) dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)

Wangsa Maju untuk tindakan lanjut dan disiasat mengikut Seksyen 4(1)(c), 4 (1)(g) Akta

Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen. - ©BERNAMA

Polis jejak dua lelaki disyaki samun warga emas minggu lepas

JOHOR BAHRU, 31 Ogos. - Polis sedang menjejak dua lelaki yang disyaki menyamun seorang wanita warga emas pada 22 Ogos lepas di sebuah rumah di Jalan Sultan Ibrahim di sini.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan ACP Mohd Padzli Mohd Zain berkata dalam kejadian 5.00 pagi itu, mangsa yang berusia 63 tahun tersebut dan tinggal bersendirian di rumah, turut diikat dan dipukul oleh suspek yang kemudian melarikan barangan milik mangsa antaranya barang kemas dan wang tunai.

Mangsa yang mengalami kecederaan termasuk bengkak pada belakang kepala dimasukkan ke Hospital Sultanah Amanah di sini untuk menerima rawatan, katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau seterusnya meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian menghubungi pegawai penyiasat Insp. Nizam Ramon di talian 011-16086119 atau Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan di 07-2182323. - ©BERNAMA

COVID-19 : Kluster baharu dikesan babitkan empat kru kapal - KP Kesihatan

KUALA LUMPUR, 31 Ogos. - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini mengesan satu lagi kluster baharu COVID-19 iaitu Kluster Bunga yang dikenal pasti melibatkan empat kakitangan sebuah kapal di Pelabuhan Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata kapal itu mempunyai sejarah perjalanan dari Pelabuhan Singapura.

"Seramai 34 kru kapal yang bertugas dalam kapal ini telah disaring pada 28 Ogos bagi tujuan sign-in dan sign-off kapal dan daripada jumlah itu empat kes dikesan positif, enam negatif dan 24 lagi menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan COVID-19 di sini, hari ini.

Dr Noor Hisham berkata kes positif kluster itu melibatkan dua warganegara Malaysia dan dua bukan warganegara dan keempat-empat kes positif itu tidak bergejala dan pada awalnya dikuarantin di sebuah hotel di Selangor.

Menurutnya setelah dikesan positif, mereka dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor dan tidak membawa risiko penularan jangkitan dalam komuniti kerana ia merupakan kluster import yang terencil iaitu di sebuah kapal.

"Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyahkuman dan proses nyahcemar telah dijalankan di kapal itu dan punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Dr Noor Hisham turut memperincikan perkembangan status Kluster Tawar dengan pertambahan satu kes menjadikan jumlahnya 74 kes.

Menurutnya Kluster Telaga juga mencatatkan pertambahan satu kes baharu menjadikan jumlahnya lima kes.

"Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan bagi kedua-dua kluster ini," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengucapkan selamat menyambut Hari Kebangsaan Ke-63 kepada semua warga Malaysia dan menzahirkan penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan negara.

"KKM ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pejuang barisan hadapan dan petugas balik tabir yang telah bertungkus lumus berjuang menentang musuh negara yang juga sedang mengancam dunia, iaitu COVID-19. "Semoga kita terus cekal dan bersatu hati, berganding bahu bagi berjuang membebaskan Malaysia daripada sebarang ancaman virus ini dan segala jenis ancaman yang lain. Bersama-samalah kita menjaga ibu pertiwi kita ini," katanya. - ©BERNAMA

positif COVID-19," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Kebangsaan 2020 peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di ibu pejabat JBPM di sini, hari ini.

Sehingga 30 Ogos, katanya sebanyak 9,792 operasi sanitasi awam bagi membendung penularan COVID-19 sudah dilakukan melibatkan 12,914 buah premis di seluruh negara termasuk pusat perniagaan, bangunan kerajaan, kawasan perumahan, tempat awam dan pasar raya.

Pada majlis hari ini, Ismail

turut menyambut ketibaan Mohd Fakhru Munir Mohd Isa, 38, dari Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Baru yang menamatkan kayuhan solo amal 'Mencari Hati Emas' serta berjaya mengumpul sebanyak RM27,144 untuk tabung kebajikan warga JBPM.

Mohd Fakhru Munir memulakan kayuhan pada 6 Ogos dengan melalui semua negeri di Semenanjung melibatkan perjalanan sejauh 2,400km dan singgah di 105 balai JBPM di sepanjang laluan. - ©BERNAMA

26 individu ditahan berhibur tidak patuh SOP PKPP

JOHOR BAHRU, 31 Ogos. - Polis menahan 26 orang individu termasuk dua orang wanita tempatan dan seorang wanita warga Indonesia dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Jalan Bayu 1/2, Taman Nusabayu, Gelang Patah.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri ACP Dzulkhairi Mukhtar berkata serbuan dibuat pada pukul 12.30 tengah malam hasil maklumat dari orang awam.

Beliau berkata semasa diserbu kesemua mereka yang berumur antara 16 dan 34 tahun didapati

sedang minum arak dan berhibur, dan apabila diperiksa 11 orang daripadanya mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan kes jenayah dan dadah.

"Bagaimanapun ujian saringan air kencing yang dijalankan menunjukkan kesemua mereka negatif dadah. Selain itu, pihak premis didapati gagal mengemukakan lesen hiburan dan tidak melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Dzulkhairi berkata 25 warga

tempatan yang ditahan akan disiasat di bawah Seksyen 6(2) Enakmen Negeri Johor dan Seksyen 25(1) Akta Pendaftaran Negara dan Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 manakala tangkapan wanita Indonesia disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63. Polis juga telah mengeluarkan kompaun ke atas semua mereka kerana kesalahan pelanggaran SOP PKPP. - ©BERNAMA

Kanak-kanak jatuh parit ditemukan mati lemas

ALOR SETAR, 31 Ogos. - Kanak-kanak lelaki berusia lima tahun yang dilaporkan hilang selepas dipercayai terjatuh ke dalam parit saluran air di Kampung Padang Temusu dekat Sungai Petani, semalam ditemukan mati lemas pagi ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda ACP Adzli Abu Shah berkata mayat Muhammad Uwais Al-Hafiz Hamizal ditemukan tersangkut di ranting kayu kira-kira 10 pagi oleh anggota

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah yang menyambung semula operasi mencari dan menyelamatkan bermula 8.00 pagi ini.

"Menurut saksi, mangsa sedang bermain bersama abangnya yang berusia 10 tahun di bahagian tepi parit berhampiran kedai milik ibunya sebelum dipercayai terjatuh.

"Saksi kemudiannya telah terjun ke dalam parit dengan kedalaman air kira-kira dua

meter untuk menyelamatkan mereka. Mereka berjaya berpaut pada saksi sebelum pegangan mangsa terlepas dan dibawa arus deras akibat hujan lebat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Adzli berkata mayat mangsa dijumpai di Kampung Pokok Asam, Tikam Batu kira-kira 1.4 kilometer dari lokasi mangsa dipercayai jatuh dan dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim di sini untuk bedah siasat. - ©BERNAMA

Sanitasi awam diteruskan dalam PKPP

PUTRAJAYA, 31 Ogos. - Operasi sanitasi tempat awam oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diteruskan dalam Perintah

Kawalan Pergerakan Pemulihan yang disambung bermula esok sehingga 31 Disember depan, kata Timbalan Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ismail Abd Muttalib.

"Tumpuan akan diberikan pada kawasan yang mencatatkan kes

Sukan

INFO SUKAN

MOTOCROSS Gaya Bebas, juga dikenali sebagai FMX, adalah variasi sukan motocross, di mana penunggang motocross melakukan aksi dan trik terbaik untuk menarik perhatian para juri. Dua jenis acara FMX, iaitu 'Big Air', bagi penunggang melakukan dua lompatan terbaik dan 'Motocross' Gaya Bebas, bagi penunggang melakukan pelbagai aksi selama 14 minit.



ePaper Pelita Brunei

Bola jaring : Memerlukan tahap kecergasan yang tinggi

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Ogos. - Sebagaimana kaum lelaki secara amnya dikaitkan dengan sukan bola sepak, kaum wanita juga tidak terkecuali dikaitkan dengan sukan bola jaring atau *netball*.

Sukan bola jaring ialah sukan berpasukan dengan tujuh pemain, di mana setiap orang diberikan posisi dan kedudukan tertentu di atas gelanggang, untuk menentukan corak permainan dan strategi serangan juga pertahanan untuk mencapai kemenangan.

Bola jaring merupakan salah satu sukan yang dipilih dalam pendidikan Latihan Jasmani (PE) dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Malah permainan sukan ini juga dilaraskan sehingga ke peringkat dewasa, seperti dalam pertandingan di antara kelab dan peringkat kementerian.

Temu bual ringkas Pelita Brunei

bersama Guru PE dan juga Jurulatih Bola Jaring serta Futsal Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak, Awang Shariff bin Haji Yusoff baru-baru ini, mengongsikan memandangkan keadaan sekarang masih ada ancaman daripada jangkitan wabak COVID-19, latihan praktikal bola jaring digantikan dengan kelas teori di dalam kelas.

Kelas teori tersebut diisikan dengan terma-terma dalam sukan bola jaring, peraturan asas, seperti pembahagian kedudukan di dalam gelanggang juga posisi pemain.

Sepertimana sukan lain, bola jaring memerlukan tahap kecergasan yang tinggi untuk mengambil manfaat kesihatan tubuh badan dan kesihatan jantung. Koordinasi badan, mata dan tangan memainkan peranan penting dalam memastikan bola



PENGENDALIAN kelas teori sukan bola jaring sebagai salah satu pengisian subjek Latihan Jasmani dalam situasi sekarang.

dapat disambut dengan baik untuk menyusun strategi permainan yang mencabar kemahiran setiap pemain.

Bola jaring, selain untuk kesihatan, juga dimainkan sehingga ke peringkat

antarabangsa, di mana atlet-atlet bola jaring kita dipanggil Royal Bees dan persatuan yang memantau aktiviti pertandingan di negara ini ialah Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA).

Kembara bersama 'Santai Hiking Bukit Talugong'

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Kelab Pusat Belia Daerah Temburong

BANGAR, Isnin, 31 Ogos. - Sesuai dengan nama timangannya, Green Jewel atau Permata Hijau Negara Brunei Darussalam, Daerah Temburong menawarkan pemandangan indah hutan asli seluas mata memandang, menjadikannya sebagai lokasi yang menarik untuk kunjungan komuniti pengembara berjalan kaki (*hikers*).

Dengan kelebihan ini, Kelab Pusat Belia (KPB) Daerah Temburong mengambil inisiatif dengan mengadakan pakej kembara dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Selangan, khusus semasa cuti persekolahan untuk mendaki Bukit Talugong, di kampung berkenaan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Ahli KPB, Mohd. Syawal bin Matnor, semasa ditemui oleh Pelita Brunei di Pusat Belia, Bangar baru-baru ini, bagi mempromosikan pakej berkenaan untuk makluman orang ramai.

Menurutnya, perjalanan menuju ke titik permulaan pendakian di Kampung Selangan mengambil masa kira-kira 15 hingga 20 minit dengan menggunakan kereta dari Pekan Bangar.

Manakala pendakian satu hala ke Bukit Talugong adalah sejauh 2.5 kilometer, memakan masa di antara

satu hingga satu jam setengah, tertakluk kepada tahap kecergasan seseorang itu.

Salah satu tarikan yang ada di Bukit Talugong, tambahannya, ialah sebuah gua, yang tentunya akan menarik perhatian *hikers*, lebih-lebih lagi bagi mereka yang suka menjelajah dan meneroka alam semula jadi.

'Pakej Santai Hiking Bukit Talugong' tersebut berharga BND10 setiap seorang, iaitu bagi khidmat penunjuk jalan dan dana MPK Selangan.

Hikers juga dinasihatkan untuk membawa peralatan dan makanan juga minuman sendiri semasa mengikuti pakej berkenaan.

Walaupun pada kebiasaannya tempat mendaki bukit di daerah-daerah lain sentiasa dikunjungi oleh orang ramai pada waktu yang tertentu, tetapi kebanyakan aktiviti di daerah ini dilakukan pada hujung minggu sahaja, terutamanya pada sebelah pagi.

Bagi awda yang berminat untuk menyertai pakej tersebut, awda bolehlah menghubungi Syawal menerusi talian +673 8674774; Jirah +673 8932143; atau Kevin +673 7234985 untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan.

GAMBARAN perjalanan menuju Bukit Talugong yang dikongsikan oleh Ahli Kelab Pusat Belia Daerah Temburong.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ORANG BERSABAR AKAN MEMPEROLEH RAHMAT, PERTOLONGAN ALLAH

دتر بیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نڠارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam